

# PEKONG PAS

ISBN 983-9698-14-1

Cetakan pertama: ... Oktober, 1990

© Shafie Nor

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis.

Typesetting: Lukman Ahamad

Penerbit:

**NUSANTARA PUBLISHING SDN. BHD.**  
138-1, Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-4215426, 4215427. Fax: 4215425.

Pencetak:

**THE COMMERCIAL PRESS SDN. BHD.**  
No. 6, Jalan SR 4/18, Serdang Raya,  
43300 Seri Kembangan, Selangor D.E.

**M\$3.20**

568167

4 OCT. 1991  
*Perpustakaan Negara  
Malaysia*

M

324.2595D

SHA

## KANDUNGAN

Kata pengantar	VI
Pakatan Pas-46 khianati perlembagaan parti	1
Pas gadai prinsip perjuangan?	9
Pemimpin Pas bersandiwara	23
46 perdaya ulama Pas	31
Pas takut kepada kebenaran?	41
Pemimpin Pas berpecah-belah	51
Subky Latif pembohong?	59
Dipecat kerana menegak kebenaran	67
Ahli Pas ganas?	75
Pas restu kerjasama Dap	83

## KATA PENGANTAR

BUKU ini adalah koleksi tulisan saya dalam Nusantara sejak tercetusnya kemelut politik Melayu dan Islam di negara tercinta ini.

Sandirawa Pas cuba memaparkan bagaimana pihak pucuk pimpinan politik yang berpandukan kepada Islam sebagai dasarnya, asyik berdolak-dalik dalam kenyataan serta tindakan mereka. Khususnya, setelah nampaknya, Pas sudah terperangkap dengan tindakan Parti Semangat 46 yang kini bersahabat karib dengan Dap.

Moga-moga tulisan ini akan membantu kita untuk menilai sama ada tindak-tanduk Pas dalam menghadapi gelora politik semasa akan membawa manfaat ataupun mudarat kepada parti Pas dan masa depan Islam di Malaysia.

Shafie Nor,  
Taman Majujaya,  
KUALA LUMPUR  
25 September 1990

## PAKATAN PAS-46 KHIANATI PERLEMBAGAAN PARTI

DUA berita mengenai Tunku Abdul Rahman pada penghujung Disember 1989 amat menarik hati pemerhati politik tanahair.

Pertama ialah berita di halaman depan akhbar lidah rasmi Pas, *Harakah*, pada 22 Disember 1989 bertajuk: Bangsa Melayu, tidak berpecah, mereka cuma milih parti. Tunku sertai Majlis Pas.

Dan kedua ialah berita *Watan*, 21 Disember 1989, juga disiarkan besar-besaran di halaman depan bertajuk: Tunku Tetap Tolak UMNO.

*Harakah* melaporkan bahawa Tunku Abdul Rahman "buat pertama kalinya dalam sejarah telah menyertai satu majlis yang dianjurkan oleh Pas".

Majlis anjuran Dewan Pemuda Pas Negeri Kedah itu diadakan di Kampung Lindungan Raja, Sedim pada 13 Disember 1989.

*Harakah* mendakwa, majlis yang dihadiri oleh penyokong-penyokong Angkatan dan juga UMNO itu sebagai "satu peristiwa besar dalam sejarah negara ini."

*Harakah* menerangkan, "Sebelum ini Tunku adalah penentang kuat kepada Pas dan juga dasar-dasarnya. Beliau juga pernah menentang ura-ura Semangat 46 hendak membantu Pas dalam pilihanraya kecil Teluk Pasu dulu."

Tunku telah berucap dalam majlis itu. *Watan* telah menyi-

arkan ucapan itu secara besar-besaran di muka hadapannya.

Dalam ucapannya, Tunku menolak UMNO pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, atas alasan UMNO sekarang "bukan kesinambungan UMNO asal," melainkan "sebuah parti baru" ditubuhkan untuk kepentingan politik peribadi semata-mata.

Ucapan Tunku itu sama nadanya seperti ucapan-ucapannya di masa lalu mengenai UMNO dan mengenai Datuk Seri Dr. Mahathir.

Beliau menyatakan, bangsa Melayu sebenarnya tidak berpecah kerana bangsa Melayu "sama-sama beragama Islam dan sama-sama menggunakan Bahasa Melayu sebagai pertuturan."

Kehadiran Tunku di majlis Pas itu serta ucapannya dalam majlis tersebut menimbulkan berbagai pertanyaan:

Apakah hubungan dua peristiwa tersebut dengan kehadiran Tunku di Perhimpunan Agung UMNO, pada bulan November 1989 dan apakah hubungan dua peristiwa itu terhadap hasrat agar Tunku dapat memainkan peranannya sebagai pemimpin untuk menyatu-padukan bangsa Melayu?

Sayugia diingat, perjumpaan Perdana Menteri dengan Tengku Razaleigh Hamzah adalah atas nasihat Tunku.

Sekiranya Tunku berpendapat bahawa bangsa Melayu tidak berpecah melainkan mereka sekadar memilih parti masing-masing, apakah gunanya diadakan perundingan untuk membawa bangsa Melayu bersatupadu seperti yang dicadangkannya kepada Datuk Seri Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh?

Adakah sekarang kita wajar batalkan sahaja perundingan selanjutnya antara Tengku Razaleigh dan Perdana Menteri?

**Harakah** menyatakan, Tengku yang tidak bersetuju dengan Semangat 46 bekerjasama dengan Pas dalam pilihanraya kecil

di Teluk Pasu dahulu, kini telah mengubah sikapnya terhadap Pas.

Tetapi, adakah Pas yang berubah atau Tunku dan Tengku Razaleigh yang berubah?

Adalah satu rahsia terbuka bahawa yang berubah ialah Pas, bukan Tunku atau Tengku Razaleigh.

Pas telah berubah kerana ia sanggup bekerjasama dengan Semangat 46 hanya atas dasar pengakuan Semangat 46 untuk memperjuangkan 'Addin'.

Semangat 46 tidak mempunyai rekod bahawa ia telah memperjuangkan 'Addin'. Hanya yang dapat diberikan oleh Semangat 46 ialah janji sahaja, seperti yang dihuraikan dalam keputusan atau manifesto Semangat 46 yang dikeluarkan pada 16 Disember 1989.

Jaminan itu berupa satu kenyataan umum sahaja. "Mene-gakkan Islam sebagai 'Addin' (sistem kehidupan yang berasaskan kebenaran, keadilan, kebebasan dan nilai-nilai kebaikan), di samping terus menjamin, memelihara dan mempertahankan perinsip kebebasan beragama."

Tidak sedikit pun bahawa Semangat 46 akan menegakkan dan menghayati undang-undang Islam.

Tetapi, hanya atas jaminan janji ini sahaja Pas telah menerima dan bersekutu dengan Semangat 46. Dengan kata lain, Pas telah berkompromi dengan Semangat 46 mengenai dasar perjuangannya.

Perubahan sikap dan pendirian Pas inilah yang telah membawa kepada perubahan sikap dan pendirian Tunku terhadap Pas serta mendorongnya untuk menghadiri majlis Pas di Alor Setar itu.

Kita percaya, kalau Pas meletakkan syarat perpaduannya dengan Semangat 46 atas dasar perpaduan Islam dan atas dasar menegakkan Negara Islam, Tunku tidak akan meng-hadiri majlis Pas itu.

Kepada Tunku, perubahan sikap dan pendirian Pas inilah yang penting. Ini membuktikan bahawa Pas hanya melaungkan cita-cita Negara Islamnya sebagai slogan sahaja. Sebab itu Pas sanggup menerima parti-parti sekular sebagai teman demi kepentingan merebut kuasa politik negara.

Ucapan serta kehadiran Tunku di majlis tersebut, bolehlah ditafsirkan sebagai satu isyarat kepada tengku Razaleigh supaya menyifatkan pertemuannya dengan, Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai "mainan politik" sahaja.

Ertinya, gugurlah nasihat Tunku supaya Datuk Seri Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh berjumpa dan berunding untuk mencapai perpaduan bangsa Melayu.

Barangkali, itulah juga sebabnya Semangat 46 berkeras supaya "manifestonya" itu diterima bulat-bulat oleh UMNO sebagai jalan mencapai perpaduan bangsa Melayu. Nam-paknya ia telah diresmi oleh Tunku sendiri.

Dalam satu perhimpunan khas pada 16 Disember 1989 pernah ditegaskan: Menghargai peranan Tunku bahawa Semangat 46 selaku Pengerusi Badan Penasihat Hal-Ehwal Perjuangan Semangat 46 dalam usaha mewujudkan suatu perjuangan yang utuh lagi bersatu padu di bawah UMNO asal.

Oleh itu mereka yang menaruh harapan bahawa perundingan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh akan membuahkan hasil yang boleh mendekatkan kita kepada cita-cita menyatupadukan bangsa Melayu, tentulah hampa dengan perkembangan terakhir ini.

Mereka yang mengharapkan kehadiran Tunku dalam perhimpunan agung UMNO 1989 akan mengubah sikap Tunku sendiri terhadap UMNO dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, tentulah kecewa dengan perkembangan di Alor Setar itu.

Kini ada tanda-tanda menunjukkan Pas akan berkompromi



lagi sebagai mana ia telah berkompromi dan mengorbankan prinsip perjuangannya untuk bersekutu dengan Semangat 46. Kali ini ialah dengan Dap.

Pas, nampaknya akan mengikuti jejak Semangat 46 untuk bekerjasama dengan Dap dalam pilihanraya akan datang.

Pas akan melupakan perjuangannya untuk menegakkan Negara Islam untuk kepentingan politik dan muslihat pilihanraya.

Pas akan bekerjasama dengan Dap berdasarkan manifesto pilihanraya yang diumumkan oleh Semangat 46 pada 16 Disember 1989.

Sekiranya kita kaji manifesto itu, kelapan-lapan usul itu dapat diterima oleh Pas.

Dap telah pun menerima kelapan-lapan usul itu kerana ia tidak menjejaskan pendirian dan dasar politik Dap, yang tidak keberatan menerima usul ketiga mengenai "Addin" sebab usul itu adalah umum dan samar-samar.

Kita dapat meramalkan bahawa manifesto Semangat 46 inilah juga yang sekarang dijajakan oleh Datuk Rais Yatim kepada Pas sebagai asas kerjasama Pas (Angkatan) dengan Dap.

Dap begitu yakin sekarang bahawa Semangat 46 akan berhasil memujuk Pas hingga Timbalan Setiausaha Agungnya, Encik Lee Lam Thye, tergamak serta tidak silu-silu berkata, Dap akan memulakan rundingan dengan Hamim dan Berjasa untuk mencari kerjasama dalam pilihanraya.

Kalau Berjasa dan Hamim tegas dengan pendirian mereka hendak menegakkan Negara Islam, mengapakah Dap sanggup berunding dengan kedua-dua parti itu, tetapi menolak berunding dengan Pas?

Apa yang cuba dikemukakan oleh Semangat dan Dap kepada Pas ialah formula yang digunakan oleh parti-parti

pembangkang di India, baru-baru ini, untuk mengalahkan Kerajaan Rajiv Gandhi.

Formula itu ialah walaupun parti-parti yang bergabung dalam barisan anti Rajiv Gandhi antara satu sama lain bertentangan ideologi dan dasar perjuangan masing-masing, namun mereka telah bekerjasama atas satu sahaja matlamat — menjatuhkan Kerajaan Kongres India.

Kerana itulah kita dapati dalam barisan anti-Rajiv Gandhi itu, berbagai parti politik yang berlainan ideologi, misalnya parti ekstremis atau pelampau Hindu yang cita-citanya hendak menjadikan India sebagai negara yang mengamalkan agama Hindu, bekerjasama dengan parti komunis India.

Formula inilah yang hendak dicontohi oleh barisan pembangkang di Malaysia dan formula inilah juga yang kini dija-jakan oleh Semangat 46 dan Dap untuk dibeli oleh Pas, Berjasa dan Hamim.

Lupakan dahulu cita-cita Negara Islam kamu, seolah-olah Semangat 46 dan Dap berkata kepada Pas.

Kita bekerjasama dahulu menentang Barisan Nasional dan cuba menggulingkannya. Kemudian baru masing-masing kita meneruskan perjuangan mengikut dasar perjuangan sendiri-sendiri.

Kemungkinan Pas menerima formula inilah yang telah melembutkan hati dan sikap Tunku terhadap Pas dan Dap.

Mungkinkah sikap Tunku ini akan direstui oleh seluruh ahli Pas yang taat kepada perkembangannya yang menegaskan bahawa "dasar Pas ialah Islam" dan "seruan Pas ialah Allahu Akbar?"

Tidak mungkinkah persahabatan Pas dengan Semangat 46 dan Dap ini disifatkan sebagai pengkhianatan kepada matlamat Perlembagaan parti tersebut?

## PAS GADAI PRINSIP PERJUANGAN?

*MINGGUAN KOTA*, keluaran 8 Oktober 1989, telah menyiarkan sebagai berita terbesar di halamam hadapannya sebuah berita bertajuk: "Ustaz Hadi minta Semangat 46 batalkan calon-calon wanita dalam pilihanraya: Amaran Pas pada Kuli."

Berita yang ditulis dari Kota Bharu berkata: "Kerjasama Pas dan Semangat 46 ibarat telur di hujung tanduk." Keadaan tersebut, menurut berita lagi, "berpunca dari amaran keras Pas berhubung pemilihan calon-calon di dalam pilihanraya umum akan datang serta penyertaan sebuah parti Cina di dalam Angkatan Perpaduan Ummah."

Amaran Pas itu datang dari yang Dipertua Pas, Haji Hadi Awang, ketika beliau mengadakan perjumpaan tertutup dengan jawatankuasa negeri, baru-baru ini.

Dalam pertemuan itu, kata *Mingguan Kota*, Haji Hadi memberi amaran keras untuk memutuskan hubungan kerjasama dengan Semangat 46 sekiranya parti itu tidak mahu memenuhi tuntutan supaya mengelakkan dua perkara yang ditentang oleh Pas selama ini.

Menurut Haji Hadi, pendirian itu berhubung dengan kedegilan Semangat 46 mahukan calon-calon wanita turut sama bertanding dalam pilihanraya. Perkara kedua ialah kesanggupan Semangat 46 untuk menerima Dap di dalam gabungan parti-parti pembangkang itu.

"Pas menolak kerjasama ini sekiranya dua perkara itu tidak diperbetulkan. Inilah pendirian Pas," ujar Haji Hadi kepada para pemimpin negeri.

Pendirian Pas ini datang secara mengejut apatah lagi di saat-saat akhir perjanjian pembahagian kerusi bagi menghadapi Barisan Nasional di dalam pilihanraya umum dimeterai.

Bagaimanapun, amaran Pas kepada Semangat 46, setakat ini belum diumumkan secara terbuka, tapi di kalangan Pas negeri sudah diketahui umum.

Menurut *Mingguan Kota* lagi, waktu mengulas perkembangan ini, ADUN Kawasan Lundang, Haji Mawardi Haji Ahmad, mengesahkan bahawa hubungan Pas dan Semangat 46 sudah sampai ke penghujung dan hanya menunggu saat untuk putus.

"Beberapa calon wanita termasuk Hajah Ilani Datuk Ishak membohongi fakta di mana dakwaan tentang adanya tiga orang wanita dalam Parlimen Iran adalah tidak benar. Saya sudah dua kali ke Iran dan sempat melihat persidangan dewan di Iran," katanya.

"Ketiga-tiga wakil rakyat itu Dabagh, Rajee, dan Dastghab, adalah wakil muslimat yang tidak pernah dipilih melalui pilihanraya. Janganlah memutar-belit fakta kerana hanya adalah lebih menyulitkan" kata Haji Mawardi.

Menurut Haji Mawardi keadan semakin jelas bilamana terdapat hadis yang menerangkan pendapat ini.

"Antara lain Hadis Nabi bermaksud, tidak berbahagia dan tidak mendapat kemenangan sesuatu bangsa yang dipimpin oleh seorang perempuan," katanya.

"Lebih teruk dari itu, Hajah Ilani tidak harus bertindak menyangkal hadis dan Syarak dan kalau diteruskan sikap yang menyalahi ini, maka saya beri kepastian usaha kerjasama ini akan putus bila-bila saja," tegasnya.

Haji Mawardi yang juga bekas Timbalan Pesuruhjaya Pas Kelantan menegaskan, dalam Islam wakil rakyat perempuan berpandukan beberapa sebab yang bertentangan dengan Islam.

“Kalau seseorang perempuan menjadi wakil rakyat kelak, maka pelbagai masalah akan timbul. Umpamanya untuk menguruskan rumahtangga, meninggalkan tanggungjawab terhadap suami dan ini amatlah berdosa,” katanya.

“Masalah ini pernah saya bangkitkan dalam sidang ADUN tidak lama dahulu tentang kedudukan wakil rakyat Salor, Ustazah Zaleha, yang ditempatkan di tengah-tengah antara wakil rakyat lelaki. Ini amatlah bersalah dengan Islam,” katanya.

“Apakah rasa hati seorang suami yang melihat isterinya diapit begini. Sekejap condong ke kiri dan sekejap ke kanan berbisik. Tetapi saya bersyukur kerana akhirnya protes saya itu dimakbulkan dan Ustazah Zaleha dipindahkan ketempatnya,” ujarnya.

“Kerana itulah saya tidak mahu perkara itu berulang lagi. Adalah elok Angkatan kelak tidak terdapat calon wanita. Hormatilah pendirian Pas kalau mahu kerjasama ini berkekalan,” katanya.

Kata Haji Mawardi, bukan tugasnya melihat kemunggaran dan apa yang diperkatakan oleh Haji Hadi adalah benar kerana Pas tidak harus lari dari garis perjuangannya.

Hajah Illani sebelumnya mendakwa, wakil rakyat wanita boleh diambil dan beliau mengambil kira perkembangan di Iran sebagai contoh yang terdekat akan kemampuan wanita. Dalam kata lain, Hajah Illani menentang saranan Pas supaya tidak diadakan calon wanita dalam pilihanraya kelak.

Sekiranya Angkatan terpaksa akur akan kehendak Pas itu, maka calon wanita seperti Hajah Marina Yusof, Hajah Illani Datuk Ishak dan Datin Paduka Rahmah Osman sendiri akan

terlepas peluang untuk bertanding sebagai calon.

Selain itu, seorang pemimpin Pas negeri, Ustaz Halim Abdul Rahman juga turut menentang perletakkan calon wanita mewakili Angkatan kelak kerana ia bertentangan dengan Islam.

Menyentuh tentang Dap, Haji Mawardi mengatakan, alasan Pas mudah sekali kerana Dap menolak konsep negara Islam sepertimana yang dicita-citakan oleh Pas.

Sebelumnya, Setiausaha Agong Dap, Lim Kit Siang dan Ahli Parlimen Jelutong, Karpal Singh, secara terbuka menyatakan penolakkan mereka terhadap konsep negara Islam.

"Ini amat menyentuh hati orang Pas," katanya. Demikian kita petik berita tersebut di atas dari akhbar *Mingguan Kota* keluaran 8 Oktober 1989.

Sementara itu akhbar *Watan* keluaran 10 Oktober 1989 menyiarkan berita bertajuk demikian, "Ku Li nafi terima amaran."

Menurut berita itu, Tengku Razaleigh menafikan berita yang mengatakan beliau diberi amaran oleh pemimpin Pas mengenai calon wanita dan kerjasama dengan Dap.

Beliau menyifatkan berita itu "sengaja diada-adakan" untuk memecah-belahkan Angkatan Perpaduan Ummah.

Beliau, katanya, baru saja menemui Haji Hadi dan "tidak timbul seperti yang dilaporkan oleh akhbar mengenai perkara itu."

Akhbar lidah rasmi Pas, *Harakah* dalam keluaran 13 Oktober 1989 telah menyiarkan berita di muka hadapan bertajuk "Isu calon wanita: Ustaz Hadi nafi laporan akhbar mingguan."

Menurut *Harakah*, Ketua Penerangan Pas, Haji Subky Latif Menyampaikan penafian Haji Hadi itu yang mengatakan berita itu tidak benar.

Haji Hadi juga telah menyampaikan penafian itu melalui Naib Yang Dipertua Pas, Dr Daeng Sanusi Daeng Mariok selaku Pengerusi Lujnah Penerangan, Penyelidikan dan Dakwah Pas.

Menurut *Harakah* lagi, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Lundang. Haji Mawardi Haji Ahmad juga menafikan beliau telah berkata, kononnya perhubungan antara Pas dan Semangat 46 telah sampai di saat penghujung menunggu saat hendak putus.

Bagaimana beliau menegaskan bahawa pandangannya terhadap calon-calon bertanding adalah sama dengan pandangan Pas terhadap isu tersebut.

Bagaimanapun *Mingguan Kota* dalam keluarannya 15 Oktober 1989, telah mempertahankan beritanya yang disiarkan pada 8 Oktober 1989 itu.

Pemberita *Mingguan Kota* di Kota Bahru telah mengakui hanya ada sedikit kesilapan dalam beritanya yang awal itu.

Kata pemberita itu, "akhbar *Mingguan Kota* mengakui bahawa akhbar itu silap menyebut tempat pertemuan dan juga orang-orang yang menghadirinya."

Sebenarnya pertemuan yang dikatakan oleh *Mingguan Kota* pada 8 Oktober 1989 itu telah diadakan di Kota Bahru adalah silap. Pertemuan itu sebenarnya berlaku di Terangganu.

Pemberita melaporkan lebih lanjut demikian: "Pada hari Selasa lalu, Naib Yang Dipertua Pas Kota Bahru, Haji Ismail Abdullah memberitahu wakil *Mingguan Kota* bahawa Haji Hadi ada membuat dakwaan mengatakan Pas sanggup memutuskan hubungan dengan Semangat 46 jika mereka meletakkan calon-calon wanita."

Haji Ismail menyatakan seramai 16 orang penyokong Pas termasuk Ustaz Mawardi Haji Ahmad, Ustaz Sabri Mohd, Ustaz Ismail Noor, Ustaz Mustapha Md Noor Idris dan Haji

Wan Ismail turut hadir dalam perjumpaan bulan September 1989 di Terengganu.

"Saya akui Haji Hadi mengesahkan untuk memutuskan hubungan dengan Semangat 46 kalau kedua perkara tersebut tidak dipatuhi dan kumpulan kita akan menyokong penuh pendirian tersebut demi perjuangan Islam," katanya.

"Dua perkara itu ialah, sekiranya parti 46 degil untuk meletakkan calon wanita dan juga menerima Dap untuk turut sama dalam Angkatan.

"Dasar Pas sudah diputuskan oleh Dewan Ulama dan golongan ulama ini tidak seharusnya berpendirian goyah. Konsep asal yang di perjuangkan oleh Pas janganlah diselewengkan walaupun risikonya kelak Pas tidak akan dapat memerintah," katanya.

"Kalau tujuan utama untuk memerintah maka lebih baik ahli Pas yang ada menyertai UMNO. Kemenangan Pas bukanlah bererti menang undi. Islam yang ada pada kita sudah bererti kemenangan."

"Pas sudah lebih 30 tahun berjuang tetapi belum dapat memerintah tetapi konsep asal dipertahankan. Apa yang diperjuangkan oleh kita orang Islam harus mendapat keredaan dari Allah. Kalau kita menang undi tanpa mendapat keredaan Allah maka perjuangan kita menjadi sia-sia," katanya.

Menurut Haji Ismail konsep asal Pas jangan diubah-ubah kerana ia berbeza dari sistem sekular, sosiolis mahupun komunis.

"Islam berpandukan pada al-Quran dan Hadis. Walaupun apa cara persefahaman ia mesti tidak lari dari Islam. Kemenangan undi bukan soal pokok tetapi berdakwah kepada umat Islam yang lain adalah lebih utama," katanya.

Dap contohnya, cuba mendesak Pas supaya mengubah dasarnya dan pada saya cara politik orang yang bukan Islam



adalah tidak Ikhlas dan sukar untuk dipercayai. Begitu juga dengan Tengku Razaleigh secara tiba-tiba saja, masakan tempua bersarang rendah," ujar beliau.

Pendedahan Haji Mawardi yang juga ADUN Lundang terhadap pendirian Haji Hadi itu telah menimbulkan pelbagai reaksi kepada semua peringkat, sama ada Pas mahupun Semangat 46.

Bekas Setiausaha Perhubungan Pas Kelantan, Ustaz Sabri Muhammad, menyokong penuh kenyataan Haji Hadi itu.

Dalam soal yang bersangkutan dengan asas paling prinsipel sekali dalam Islam tidak harus ada tawar menawar.

"Kalau parti 46 ikhlas mereka harus mengeneipkan calon wanita dan persefahaman seharusnya mengikut syarat yang ditetapkan berpandukan Islam," katanya.

"Tentang calon wanita boleh diselesaikan. Mereka boleh dilantik sebagai senator bagi mewakili muslimat dan bukannya dipilih melalui pilihanraya. Bagaimanapun saya tetap bertegas dengan hal ini untuk kebenaran," katanya.

"Haji Hadi memang wajar berpendapat demikian dan saya yakin Yang Dipertua Pas Kelantan, Haji Nik Aziz juga turut sependapat. Lebih menyulitkan, Dap terang-terang menolak negara Islam diundang bersama Angkatan," katanya.

Ustaz Sabri menegaskan, kenyataan yang dilaporkan oleh *Mingguan Kota*, keluaran 8 Oktober 1989, memang tepat dan memang ia berlaku.

"Kerjasama dengan Dap harus diputuskan dan Pas Pusat jangan berganjak dari syariat Islam," katanya.

"Kita tidak mahu menafikan hak dan kelebihan hak golongan wanita tetapi kita menyeru agar dielakkan pemilihan mereka melalui pilihanraya. Saya menegaskan ini semua sebagai peringatan kepada pucuk pimpinan Pas," katanya.

Sementara itu Haji Mawardi menegaskan, tujuannya

mendedahkan perkara-perkara ini hanyalah sebagai "tukang cakap" kepada pemimpin Pas itu.

"Saya harus tegas dan tujuan saya berkata demikian hanyalah untuk mewakili Haji Hadi. Mungkin juga pemimpin atasan malu mata untuk menyatakan ketegasan itu."

"Pada saya wakil muslimat boleh dilantik tetapi bukannya dipilih melalui pilihanraya. Bagaimanapun, saya tetap bertegas dalam hal ini untuk kebenaran," katanya.

Haji Mawardi juga Yang Dipertua Kota Bahru mengakui beliau dikecam hebat ekoran penyiaran berita tersebut. Beliau tidak menafikan Pas Kelantan kurang senang dengan tindakan beliau itu.

"Kerana itu saya akan mendiamkan diri buat beberapa ketika dan tidak akan memberikan apa-apa komen kepada akhbar kerana akan disalah anggap," ujarnya.

Ustaz Sabri yang juga wakil Pas di MAPEN dan Haji Mawardi serta beberapa-beberapa orang lagi sebelumnya dikaitkan dengan kumpulan penentang terhadap kerjasama ini.

"Pemimpin-pemimpin Pas harus tegas. Jangan mudah tawar-menawar terhadap perkara begini," tegas Ustaz Sabri.

Beliau yang tidak memegang sebarang jawatan dalam parti peringkat Pusat menyatakan, tujuan pendedahan ini hanyalah untuk memberi peringatan kepada pucuk pimpinan Pas dalam setiap tindakan mereka.

Demikian laporan *Mingguan Kota* 15 Oktober 1989. Sementara itu *Mingguan Kota* dalam keluarannya 15 Oktober 1989, telah mempertahankan kebenaran beritanya yang disiarkan pada 8 Oktober 1989 itu.

Dalam tajuk rencananya *Mingguan Kota* berkata dan saya petiknya sepenuhnya sebagai berikut:

"Ada rasa kurang senang di kalangan setengah pihak

berhubung dengan berita utama di akhbar ini, minggu lalu yang antara lain menyebut amaran Pas kepada Semangat 46."

"Beberapa orang ahli dan pemimpin Pas merasa tersinggung dengan penyiaran berita tersebut dan menafikan sekeras-kerasnya ada amaran dari Haji Hadi Awang mengenai calon wanita dalam pilihanraya dan penyertaan parti Cina dalam Angkatan."

"Haji Hadi Awang sendiri ketika dihubungi berkali-kali mengesahkan apa yang tersiar itu, sementara setengah pihak dalaman Pas pula menuduh penyiaran berita itu dibuat semata-mata untuk memecah belahkan Pas."

"Untuk menjelaskan keadaan, kami telah menemuramah beberapa orang yang turut sama menghadiri mesyuarat di Terangganu pada bulan September 1989 itu," termasuk yang Dipertua Pas Kota Bharu, Haji Ismail Abdullah.

"Kecuali tempat mesyuarat itu di Terangganu bukannya di Kota Bharu seperti yang dilaporkan, lain-lain fakta mengenai berita tersebut adalah benar."

"Berita yang kami siarkan di muka dua dalam keluran ini berdasarkan temuramah dengan beberapa orang yang turut menghadiri mesyuarat tertutup itu akan menjelaskan keadaan sebenar."

"Bagi kami, berita mengenai Pas sama berita mengenai berita lain, hanya akan disiarkan setelah mendapat pengesahan dari sumber yang sahih. Penyiaran pula akan semata-mata kerana nilai berita, bukannya untuk sensasi, jauh sekali dari niat untuk memecahbelahkan mana-mana pihak." Demikian tulisan *Mingguan Kota* 15 Oktober 1989.

Apa pula pendapat dan tanggapan mereka dalam kontrovesi ini. Adakah berita *Mingguan Kota* 8 Oktober 1989 itu tidak benar? Adakah kebenaran itu terletak pada Haji Hadi Awang dan Pas yang menafikan berita itu?

Menimbangkan penjelasan *Mingguan Kota* dan Haji Hadi

Awang dan Pas, kita berpendapat bahawa *Mingguan Kota* tidak mereka-reka berita itu melainkan melaporkan apa yang sebenarnya berlaku.

Pertama *Mingguan Kota* tidak cuba menutup kesilapannya malah mengakui terus terang bahawa laporan 8 Oktober 1989 itu mengandungi kesilapan, iaitu berita melaporkan pertemuan Haji Hadi dengan pemimpin-pemimpin Pas yang lain telah diadakan di Kota Bharu sedangkan sebenarnya pertemuan itu diadakan di Terangganu.

Kedua penjelasan *Mingguan Kota* mengenai pertemuan itu mengandungi butir-butir tertentu yang memperkuat kebenaran laporannya. Malah *Mingguan Kota* telah menemuramah beberapa anggota Pas yang hadir dalam pertemuan untuk mendapatkan keterangan lanjut dan keterangan mereka tidak berganjak daripada berita *Mingguan Kota* 8 Oktober 1989.

Adalah jelas sekali bahawa dalam perkara ini, setengah-setengah pemimpin Pas cuba menyorokkan Pertemuan Haji Hadi itu daripada pengetahuan anggota-anggota Pas tidak sahaja di Kelantan, tetapi di seluruh negara.

Jelas juga bahawa sebabnya untuk menghindarkan salah faham dari perselisihan faham dengan Semangat 46 khususnya dan untuk melindungi daripada rakyat umumnya bahawa Pas dan Semangat 46 sekarang telah timbul isu pokok yang membabitkan isu perjuangan Pas yang boleh menghancurkan perpaduan kedua-dua parti itu.

Umumnya mengetahui Pas telah membuat keputusan menolak wanita bertanding dalam pilihanraya umum. Naib Yang Dipertua Pas, Dr Daeng Sanusi Daeng Mariok, telah mengumumkan keputusan itu dan akibat pendedahan keputusan itulah maka terjadi kini kontroversi antara Semangat 46 dan Pas.

Hajah Illani Datuk Ishak, pemimpin wanita Semangat 46

Semangat 46 akan sehidup semati dengan Dap.

Kenyataan Haji Mustapha itu menimbulkan reaksi hebat di kalangan Semangat 46 dan Timbalan Presiden, Datuk Rais Yatim, malah mencabar Pas supaya jangan mengungkit isu itu kerana ia telah diputuskan bersama oleh pucuk pimpinan Pas dan Semangat 46.

Isu itu tidak timbul lagi, tetapi di kalangan Pas mulai timbul pergolakan menentang kerjasama Pas dengan Semangat 46 akibat kerjasama Semangat 46 dengan Dap.

Pemimpin-pemimpin Pas di peringkat Negeri dan Bahagian menerima tekanan bertalu-talu dari para anggota yang menggugat kepemimpinan parti itu kerana membiarkan Semangat 46 bekerjasama begitu rapat dengan Dap yang menentang secara terang perjuangan negara Islam yang dibawa oleh Pas.

Pemimpin-pemimpin Pas di peringkat Negeri di Kelantan dan di Terengganu terus terang menyatakan mereka tidak dapat memberi penjelasan atau ulasan mengenai isu itu melainkan menyerahkan perkara itu kepada Presiden Pas, Haji Fadzil Noor.

Penjelasan Haji Fadzil pula tidak memadai untuk memuaskan hati para anggota kerana penjelasan beliau cuma mengulang kenyataan-kenyataan kepemimpinan Pas yang lalu bahawa adalah hak Semangat 46 memilih siapa yang patut menjadi teman dan Pas tidak boleh mencampuri urusan itu.

Di masa belakangan ini, timbul pula penjelasan dari pemimpin-pemimpin Pas, seperti Subky Latiff, yang sementara menafikan kerjasama secara langsung antara Pas dengan Dap sebaliknya menerangkan bahawa "kerjasama" itu wujud dalam bidang pembahagian kawasan antara parti-parti pembangkang dalam pilihanraya umum kelak.

Persefahaman antara parti-parti pembangkang, seperti yang

Apa yang jelas sekarang ialah soal kerjasama dengan Semangat 46 masih belum sepenuhnya di restui oleh pemimpin-pemimpin Pas di negeri Kelantan.

Bagaimanapun, pakatan Semangat 46-Pas-Dap hari ini sudah jelas dan nyata. Mengapakah terjadi begini?

Adakah kerana hal ini dijalankan atas motif-motif politik dan pucuk pimpinan Pas sudah sanggup menggadaikan "prinsip-prinsip perjuangan Pas" demi motif-motif politik ini?

Ahli Pas perlu menimbulkan soal-soal sebegini kepada pucuk pimpinannya. Ingat, dasar Pas adalah Islam dan seruan Pas adalah Allahu Akbar!!!

## PEMIMPIN PAS BERSANDIWARA

AKHBAR-AKBAR hari Khamis, 12 April 1990 lalu melaporkan bahawa Pas akan mengkaji perhubungannya dengan Semangat 46 memandangkan kerjasama yang erat antara Semangat 46 dengan Dap.

Akhbar-akhbar memetik kenyataan seorang tokoh Pas Terengganu, Haji Mustapha Ali sebagai berkata, Pas akan membuat keputusan sebelum pilihanraya umum akan datang, tindakan yang akan diambil sekiranya Semangat 46 terus menjalin perhubungan yang erat dengan Dap.

Haji Mustapha yang juga Bendahari Pas berkata, pemimpin-pemimpin terkanan Pas telah lama menyedari bahawa Pas telah dihubungkan secara tidak langsung dengan Dap berikutan kerjasama Semangat 46-Dap dan pemimpin-pemimpin Pas tidak senang dengan tohmah-tohmah itu.

"Kami tidak dapat membiarkan keadaan ini berlarutan kerana Pas tidak pernah dan tidak akan berkerjasama dengan Dap selagi parti itu berupa parti sekular dan menentang hasrat Pas untuk mendirikan sebuah negara Islam," tegas Haji Mustapha.

Beliau yang juga menjadi Timbalan Pesuruhjaya Pas Terengganu berkata, UMNO telah kehilangan modal dan menghubungkan Pas dengan kerjasama Semangat 46-Dap untuk mencetuskan kegelisahan di kalangan ahli-ahli

Pas.

“Yang demikian, kepemimpinan Pas akan mengkaji hubungan kami dengan Semangat 46 kerana Pas tidak mahu dihubungkan dengan Dap sama ada secara langsung atau tidak langsung.

“Ulangkaji itu akan berpusat pada implikasi agama dan politik yang timbul dari kerjasama Semangat-Dap terhadap cita-cita politik Pas dan Angkatan Perpaduan Ummah. Kami sudah pasti akan merumuskan pendirian kami sebelum pilihanraya umum akan datang,” kata Haji Mustapha lagi.

Beliau menambah, Pas telah diterima sebagai pemimpin terulung dalam APU yang terdiri dari Pas, Semangat 46, Berjasa dan Hamim, dan keputusannya juga diterima sebagai keputusan APU.

Mengenai masalah pembahagian kerusi antara Semangat 46 dan Pas dalam pilihanraya umum akan datang, Haji Mustapha berkata, masalah itu telah selesai.

“Pas akan mendapat peruntukan kerusi lebih besar di Kelantan dan di Terengganu, manakala di Pantai Barat, Semangat 46 akan mendapat peruntukan kerusi yang lebih besar,” kata beliau lagi.

Seperkara yang menarik dalam kenyataan Haji Mustapha yang terakhir ini ialah tiap kali Pas hendak memberi ingatan atau amaran kepada Semangat 46 mengenai isu kerjasamanya dengan Dap, maka kenyataan itu mesti datang dari Haji Mustapha atau dari tokoh-tokoh lain di Pantai Timur.

Inilah kali kedua Haji Mustapha membuat kenyataan umum secara terbuka mengenai kerjasama Semangat 46 dengan Dap.

Pada kali pertama dahulu ialah bila Tengku Razaleigh untuk pertama kali berucap dalam majlis perhimpunan rasmi Dap di Kuala Lumpur mengisytiharkan secara rasmi kerjasama Semangat 46 dengan Dap sambil mengikrarkan tekad



dibayangkan oleh Subky Latiff dan pemimpin-pemimpin APU yang lain, ialah dalam pilihanraya umum kali ini, parti-parti pembangkang tidak akan bertembung sesama sendiri dalam satu-satu kawasan pilihanraya.

Persefahaman itu ialah mengelakkan parti pembangkang bertentangan dengan parti pembangkang yang lain dalam satu kawasan, melainkan pertandingan itu akan merupakan pertandingan satu lawan satu antara pembangkang dengan Barisan Nasional.

Subky Latiff menerangkan taktik seperti itu bukanlah kerjasama ideologi, tetapi strategi politik untuk menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional.

Pemimpin-pemimpin Angkatan perpaduan Ummah kini menerangkan kepada anggota-anggota mereka bahawa Pas khususnya hanya akan bertanding dalam kawasan-kawasan di mana pengundi Melayu berupa pengundi majoriti.

Dalam kawasan-kawasan di mana pengundi Cina berupa pengundi majoriti, kawasan itu akan ditandingi oleh Dap.

Tidak pula diterangkan adakah Pas dan Dap akan saling bantu-membantu mempengaruhi pengundi masing-masing untuk menyokong calon-calon mereka.

Tetapi, dalam pilihanraya kecil Pantai Merdeka di Kedah baru-baru ini, walaupun secara terbuka Dap tidak membantu Pas, namun Dap telah berkempen mempengaruhi pengundi-pengundi Cina agar memangkah calon Pas.

Mengapakah Haji Mustapha kini membuat kenyataan bahawa Pas akan mengkaji kerjasamanya dengan Semangat 46 memandangkan kerjasama Semangat 46 sangat rapat dengan Dap?

Pada hemat kita, kenyataan Haji Mustapha itu sekadar hendak mententeramkan rasa resah dan tidak puas hati kalangan ahli dan pemimpin-pemimpin Pas di peringkat negeri yang tidak menyetujui kerjasama Semangat 46 dengan

Dap.

Kerjasama Pas dengan Semangat 46 telah berkembang begitu jauh hingga ia merupakan asas untuk APU meletakkan segala harapan akan menang dalam pilihanraya umum akan datang.

Kerana itu adalah tidak praktikal sekiranya kerjasama itu diretakkan dan diancam akan hancur semata-mata atas isu kerjasama Semangat 46 dengan DAP.

Pemimpin-pemimpin Pas nampaknya terbahagi dua mengenai isu kerjasama Semangat 46 dengan Dap.

Golongan Fadzil Noor, Subky Latiff dan yang lain jelas menyokong kerjasama itu, tetapi golongan di Pantai Timur termasuk Haji Mustapha yang merasakan tekanan yang kuat dari ahli-ahli mereka, agak ragu-ragu dengan kebijaksanaan Semangat 46 mengikat diri begitu rapat dengan Dap hingga menjejaskan imej Pas secara tidak langsung.

Tetapi, pada soal pokok, iaitu kerjasama Semangat 46 dengan Dap dalam menghadapi pilihanraya umum, iaitu atas dasar masing-masing meletakkan calon satu lawan satu bagi melawan calon-calon Barisan Nasional, kedua-dua golongan Subky Latiff, Fadzil Noor dengan golongan Haji Mustapha dan Hadi Awang, adalah sependapat dan sefahaman belaka.

Sepatah kata Subky, kerjasama Pas dengan Dap meletakkan calon mereka agar tidak bertembung satu sama lain dalam satu-satu kawasan adalah strategi pilihanraya, strategi politik dan ia tak ada kena-mengena dan hubungkait dengan ideologi masing-masing.

Tengku Razaleigh juga dalam ucapannya di Petaling Jaya Civic Centre menerangkan bahawa Dap dan Pas tidak akan bertembung dalam pilihanraya umum akan datang.

Dengan demikian, Pas cuba mengelakkan diri daripada ditohmah menjual maruahnya dengan Dap, iaitu parti yang menentang perjuangan negara Islam kerana kerjasama itu

tidak membabitkan kerjasama organisasi.

Tetapi, walau ia merupakan kerjasama ideologi atau kerjasama dalam mengatur strategi pilihanraya, maka kedua-duanya tetap merupakan persefahaman yang memerlukan tolak-ansur, pengorbanan kepentingan dan pengaruh dari kedua-dua pihak.

Kita mesti ingat, di masa lalu Pas meletakkan calon-calonnya dalam kawasan-kawasan di mana pengundi-pengundi Cina lebih ramai dari pengundi-pengundi Melayu dengan alasan konon maksud mereka bukan untuk menang tetapi untuk mengembangkan syiar Islam.

Tetapi, kini kepentingan itu, iaitu mengembangkan syiar Islam, telah dikorbankan kerana dalam kawasan di mana pengundi Cina lebih ramai, Pas tidak akan meletakkan calonnya, melainkan menyerahkannya kepada Dap.

Dengan kata lain, Pas terpaksa mengorbankan kepentingan ideologi untuk mendapat keuntungan politik, iaitu kepentingan strategi pilihanraya, telah mengatasi kepentingan agama Islam.

Memandangkan perkembangan-perkembangan sekitar ikatan kerjasama Semangat 46 dengan Dap dan kerjasama Semangat 46 dengan Pas, kita tidak fikir kenyataan Haji Mustapha Ali akan membawa apa-apa perubahan dalam kerjasama antara Semangat 46 dengan Dap dan kerjasama Semangat 46 dengan Pas.

Adalah terlalu lewat untuk Pas atau Semangat 46 menolak satu sama lain. Kedua-duanya saling memerlukan bantuan dan sokongan yang lain untuk memenuhi nafsu mereka merebut kuasa pilihanraya akan datang.

Kita tertarik dengan kenyataan Haji Mustapha bahawa masalah pembahagian kerusi antara Semangat 46 dan Pas di Kelantan dan di Terengganu telah selesai.

Sekiranya kerjasama Semangat 46 dengan Dap begitu

penting sekali hingga menjejaskan imej Pas, mengapakah isu itu tidak dibincangkan sebagai satu isu yang 'urgent', yang afdhal, yang maha penting, yang lebih besar ertinya daripada isu pembahagian kerusi?

Dengan demikian, kita mendapat kesan kenyataan Haji Mustapha itu bahkan kajian yang akan dibuat oleh kepimpinan Pas atau isu kerjasama Semangat 46 dengan Dap adalah sandiwara belaka, satu muslihat hendak mengabui mata rakyat, terutama sekali pengikut-pengikut Pas di Kelantan dan di Terengganu, serta orang-orang Melayu umumnya.

Keputusan Pas bekerjasama dan bersefahaman dengan Dap sebenarnya telah dibuat oleh kepimpinan Pas dan tidak akan berubah. Inilah hakikat sebenarnya.

Sama ada masyarakat Pas akar umbi mengakui hakikat yang sebenarnya, nampaknya, adalah soal remeh-temeh kepada pucuk pimpinan Pas.

Bagaimanapun, pastikah masyarakat Pas akar-umbi ini mahu menerima "sandiwara" pucuk pimpinan parti Pas?

## 46 PERDAYA ULAMA PAS

YANG Dipertua Agung Pas, Haji Fadzil Noor, pernah memberitahu sebuah akhbar tabloid bahawa isu penyertaan calon-calon wanita dalam pilihanraya dan kemasukan Dap di dalam Angkatan Perpaduan Ummah, bukanlah satu masalah besar.

Masalah itu kata beliau lagi, "hanya masalah pinggiran sahaja."

Kita dapat mengerti mengapa pemimpin Pas itu menyifatkan kedua-dua masalah itu sebagai masalah pinggiran.

Sebabnya, kedua-dua masalah itu mungkin membawa perpecahan kepada perikatan Pas dan Semangat 46.

Pemimpin-pemimpin Pas tidak bersedia "membesarkan" kedua-dua masalah itu sekarang kerana bimbang kedua-dua isu itu akan menimbulkan salah faham, malahan sengketa antara Pas dan temannya, iaitu Semangat 46.

Pas bimbang sekiranya isu-isu ini diperbesarkan dan menjadi serius, ia boleh pula membawa kepada kehancuran Angkatan kerana Pas bergantung sangat kepada Angkatan untuk menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Bagaimanapun, umumnya tidak boleh ditutup mata kepada hakikat bahawa kedua-dua isu itu kini menjadi masalah besar kepada Pas dan Semangat 46.

Isu-isu ini telahpun menimbulkan keretakan dan persengketaan dalam Dewan Ulama Pas sendiri.

Ahli Jawatankuasa Dewan Ulama Pas Pusat, Haji Nor Idris umpamanya dalam satu kenyataan kepada akhbar *Mingguan Kota*, keluaran 29 Oktober 1989, antaranya lain menegaskan beliau tetap berpegang teguh kepada kenyataan Haji Hadi Awang bahawa kerjasama antara Pas-Semangat 46 akan putus sekiranya Dap terbabit, begitu juga dengan calon-calon wanita yang turut dicalonkan dalam pilihanraya.

Seperti diketahui, Haji Hadi telahpun menafikan bahawa beliau telah memberi kata dua kepada Tengku Razaleigh Hamzah mengenai kedua-dua isu itu.

Tetapi Haji Hadi tidak menafikan bahawa beliau tidak bersetuju bahawa Semangat 46 meletakkan calon-calon wanita dalam pilihanraya akan datang dan bekerjasama dengan Dap.

Haji Noor Idris menjelaskan, Haji Hadi kini "dalam keadaan tersepit antara pengaruh rakan-rakannya dan juga hukum Islam yang perlu dipertahankannya."

Haji Noor Idris menambah, "Sebenarnya apa yang dicapkan oleh Haji Hadi kepada perwakilan dari Kelantan semasa di Terangganu dulu tentang kerjasama tersebut adalah keputusan Pas Pusat. Tetapi olehkerana ada kalangan pemimpin yang cuba mempengaruhinya, menyebabkan ia jadi kabur."

Menurut Haji Noor Idris lagi, "Saya yakin. Haji Hadi tegas. Masih saya ingat, sepatah kata daripada beliau, kita batalkan kerjasama kalau Dap turut serta dalam kerjasama begitu juga soal calon wanita,"

"Haji Noor Idris menyeru Dewan Ulama Pas harus bertegas mengulangi kenyataan yang terus terang dalam hal ini. Semua perlu tegas supaya ia tidak dikelirukan."

"Hukum tetap hukum," kata Haji Noor Idris lagi. "Dan ia berpandukan kepada Hadis dan al-Quran" tegas beliau.

Seterusnya beliau berkata bahawa Hadis jelas mem-

perkatakan bahawa tidak bahagia dan tidak mendapat kemenangan sesuatu bangsa yang dipimpin oleh seorang wanita bagi kumpulan kita.

Perletakkan calon wanita adalah satu kemungkaran yang harus ditentang. Begitu juga dengan penyertaan Dap.

Semangat 46 menentang kemungkaran, tetapi dalam hal ini mereka terus melakukan kemungkaran.

“Kita telah membawa persoalan ini untuk dibincangkan dalam pertemuan dengan Yang Dipertua Pas, Dewan Ulama, Intelektual Islam di peringkat Universiti dan sebagainya. Kita bersedia ke peringkat perdebatan sekiranya ada pihak yang mahu mahu kita berdebat.”

Lebih lanjut beliau berkata, kalau Ulama-ulama yang sanggup membelakangkan hukum, boleh dikategorikan sebagai ulama “skru longgar” yang tidak pernah tetap dengan hujah-hujah.

“Ulama seperti ini sentiasa memasang angan-angan politik sehinggakan sanggup mengenenepikan hukum buat seketika. Kerana itu kita terus berusaha tetapi tidak berjaya hingga ini.”

“Kita mahu kalangan seperti ini terlalu bernaflu besar dan sudah tidak sabar ingin melihat kejayaan. Kumpulan seperti ini yakin akan mendapat kemenangan dan kerana itulah perasaan telah menguasai pemikiran,” kata Haji Noor Idris lagi.

Menurut beliau ketegasan Haji Hadi juga “telah diketahui” oleh Haji Nik Aziz dan “beliau dalam kesedaran, tetapi belum menyatakan hujah secara terbuka.”

Haji Noor Idris menyatakan, Pas pada satu ketika dahulu pernah berura-ura untuk meletakkan calon wanita, tetapi setelah ada kesedaran, maka ia tidak dilaksanakan.

Yang demikian berdasarkan keterangan Haji Noor Idris itu, dapatkah dikatakan seperti yang diberitahukan oleh Haji

Fadzil Noor bahawa kedua-dua isu itu berupa isu pinggiran?

Manakala dua orang ulama Pas, seperti Haji Hadi Awang dan Haji Noor Idris, menyifatkan perletakkan calon-calon wanita dalam pilihanraya umum sebagai satu kemungkaran dan kerjasama dengan Dap juga sebagai bertentangan dengan dasar perjuangan Pas, bolehlah dikatakan kedua-dua isu itu berupa masalah pinggiran?

Tetapi, mengapakah pemimpin-pemimpin Pas berusaha mati-matian hendak memperkecilkan kedua-dua isu itu?

Mengapa Pas takut berterus-terang bahawa kedua-dua isu itu membabitkan prinsip perjuangannya?

Mengapakah Haji Fadzil Noor hendak menafikan adanya satu perselisihan pendapat yang serius di kalangan ulama-ulama Pas terhadap kedua-dua isu itu?

*Mingguan Kota* juga melaporkan golongan dalam Pas yang menentang kerjasama Pas dan Semangat 46 akan mengadakan majlis-majlis ceramah di seluruh Kelantan untuk menjelaskan kepada anggota-anggota Pas mengenai pertentangan kumpulan itu terhadap kerjasama Pas dan Semangat 46.

Kumpulan itu hendak menjelaskan pendirian Haji Hadi kepada anggota-anggota Pas mengenai kedua-dua isu itu.

Gerakan itu adalah dimaksudkan untuk mengadakan tekanan ke atas pucuk pimpinan Pas supaya menyatakan pendirian secara tegas dan terang mengenai kedua-dua masalah tersebut.

Seorang pemimpin Pas di Kelantan, Haji Ismail Abdullah, malah mencabar semua ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan yang terdiri dari pemimpin-pemimpin Pas supaya "tampil hadapan mempertahankan dasar-dasar Pas yang sudah mula dicabuli sejak akhir-akhir ini.

Haji Ismail ialah Naib Yang Dipertua Pas Kota Bahru.



Katanya, "Sekiranya kesemua ADUN ini sanggup kehadapan, maka ia lebih bermakna dari pendirian yang ada sekarang. Asas perjuangan asal Pas tidak harus dicabuli dan kesemua wakil rakyat Pas di Kelantan bertanggungjawab mempertahankannya.

"Janganlah berdiam diri tanpa membuat apa-apa tindakan, sedangkan semakin jelas kita semakin lari dari garisan perjuangan asal. Biarlah kita membakar diri demi kebaikan semua kerana Islam itu adalah lebih penting dari segalanya."

Haji Ismail memberi contoh Allahyarham Dr Burhanuddin Al-Helmy.

Katanya lagi, "Pas bukanlah tempat untuk mencari pangkat mahupun kedudukan. Sekiranya ingin semua itu, maka adalah lebih baik menyertai parti sekular. Saya beri jaminan bahawa penentangan terhadap dua pekara besar itu, iaitu calon wanita dan kerjasama dengan Dap, akan ditentang habis-habisan."

"Kerana itulah saya menyeru golongan wakil-wakil rakyat yang lebih muda itu tampil dengan suatu pendirian yang jelas. Golongan ini harus memberi semangat demi menyelamatkan Pas."

Haji Ismail menyeru kepimpinan Pas agar kembali kepada perjuangan asal dan jangan terlalu meyimpang. "Kalau menang undi, tetapi menggadai asas prinsip, pada saya ia tidak membawa sebarang makna. Tak elok kita ubah dasar. Pas bukan seperti parti sosialis mahupun komunis. Islam tidak akan berubah, malah akan terus kekal."

"Lebih mencabar lagi ialah tindakan Dap tidak meyokong dasar Islam membuktikan secara langsung mendesak Pas mengubah dasarnya. Pas harus ingat permainan politik orang bukan Islam tidak ikhlas dan kerana itu saya menyeru pimpinan Pas supaya berhati-hati."

Beliau menyeru lagi supaya "kepimpinan ulama Pas tampil

dengan kenyataan yang lebih jelas demi keutuhan perjuangan Pas. Kita akan menentang habis-habisan sekiranya prinsip asal Pas dicabuli. Amaran ini akan tetap dilaksanakan.”

Memandangkan perkembangan-perkembangan ini, dapatkah dipertahankan dakwaan Haji Fadzil Noor bahawa kedua-dua isu ini merupakan masalah kecil?

Secara tidak langsung, Haji Ismail mencabar Haji Hadi supaya menjelaskan pendiriannya terhadap isu-isu tersebut.

Tetapi, Haji Hadi setakat ini hanya membisu seribu bahasa sahaja Mungkin telah dipengaruhi oleh pemimpin Pas yang lain, supaya jangan memperbesar-besarkan pertentangan terhadap kedua-dua isu tersebut.

Haji Fadzil Noor menerangkan bahawa Pas dan Semangat 46 belum lagi membincangkan lagi kedua-dua perkara tersebut.

Agaknya, perbincangan itu hanya diadakan setelah kontroversi terhadap kedua-dua isu telah reda di kalangan pemimpin dan anggota-anggota Pas.

Bagaimana pula dengan kempen yang dijalankan sekarang dan akan diteruskan di masa hadapan oleh satu kumpulan di dalam Pas untuk menentang kerjasama Pas dengan Semangat 46 serta kerjasama Semangat 46 dengan Dap?

Ketika mula-mula tersebar berita tentang kewujudan Pas 51 yang lahir akibat tidak bersetuju dengan kerjasama Pas dan Semangat 46, pemimpin-pemimpin Pas menuduh Pas 51 ditaja oleh UMNO.

Tetapi sekarang adalah jelas kempen anti-kerjasama Pas dan Semangat 46 dijalankan serta dikendalikan sendiri oleh golongan Pas.

Kumpulan inilah yang menemui Haji Hadi dan meminta fikiran dan pendapat beliau mengenai sikap mereka menentang kerjasama Pas dengan Semangat 46.

Walaupun pada mulanya dikatakan bahawa rombongan itu merasa tidak puas hati dengan penjelasan Haji Hadi, tetapi ternyata berdasarkan perkembangan yang terakhir sekarang, bahawa kumpulan itu telah membuat keputusan untuk terus menentang kerjasama Pas Semangat 46.

Setakat ini tidak jelas peranan tokoh-tokoh Pas seperti ahli Dewan Ulama Pas, Haji Noor Idris dan, Haji Ismail Abdullah di dalam kumpulan Pas 51 itu.

Sekalipun mereka tidak terbabit dalam kumpulan itu, tidak mustahil mereka merestui kumpulan tersebut kerana dasar Pas 51 jelas sealiran dengan sikap kedua-dua tokoh Pas tadi.

Dengan Dap sekarang terus terang menolak sebarang kerjasama dengan Pas, malah menolak sebarang perundingan dengan Pas, selagi Pas tidak bersedia berkompromi dalam dasar perjuangannya hendak mendirikan Negara Islam, kita boleh menduga bahawa tokoh-tokoh Pas, seperti Haji Hadi akan didorong dan dipaksa oleh keadaan untuk mengumumkan sikap dan pendirian mereka secara terus terang dan terbuka.

Sementara itu tokoh-tokoh Semangat 46 dalam kenyataan-kenyataan mereka terus memainkan lagu mereka.

Mereka menegaskan dan mengulang sikap mereka betapa perlunya dan betapa pentingnya peranan Dap sebagai rakan seperjuangan untuk mencapai kemenangan dalam pilihanraya umum akan datang.

Seolah-olah Semangat 46 tidak memperendahkan dan tidak memperdulikan "sensitiviti" temannya iaitu Pas yang seterusnya di kritik dan dibidas oleh Dap.

Mengapakah Semangat 46 tidak membela Pas manakala temannya itu dikecam oleh Dap, sedangkan Semangat 46 juga memperjuangkan "addin" dan menyokong penubuhan sebuah negara Islam?

Mengapakah Semangat 46 membisu apabila Pas dihentam oleh Dap?

Dap sebaliknya memuji perjuangan Semangat 46, malah terus terang sanggup bekerjasama dengan Semangat 46. Adakah cuba memisahkan Semangat 46 dari Pas?

Adakah Dap mempunyai rancangan rahsia untuk berkuasa kelak bersama Semangat 46 dan tidak bersama Angkatan Perpaduan Ummah, khususnya Pas, Berjasa dan Hamim.

Persoalan-persoalan ini adalah serius. Pas perlu tegas dan bukannya berdolak-dalik. Islah atau Pas 51 nampaknya berada di pihak yang mempertahankan Pas dari diperdayakan oleh Semangat 46 dan Dap.

Jadi, mengapakah seluruh kepimpinan Pas enggan menerima pandangan Islah? Di manakah "kebenaran" dalam hal ini?

## PAS TAKUT KEPADA KEBENARAN

DALAM pilihanraya kecil di Pantai Merdeka, Kedah, Pas menghadapi banyak pertanyaan untuk dijelaskan kepada penyokong-penyokongnya. Pertanyaan-pertanyaan itu ialah daripada yang kecil hingga kepada isu-isu besar.

Antaranya ialah, mengapakah Tengku Razaleigh Hamzah memandai-mandai hendak menasihatkan Pas supaya jangan bertanding di Pantai Merdeka? Mengapakah Pas tidak menyambut nasihat itu?

Tengku Razaleigh dan tokoh-tokoh Semangat 46 menyifatkan penyertaan dalam pilihanraya kecil itu adalah sia-sia sahaja, membuang tenaga dan wang ringgit kerana pilihanraya umum dijangka berlaku tidak lama lagi.

Daripada bertanding dalam pilihanraya kecil itu, menurut Tengku Razaleigh adalah lebih baik bersiap sedia dari sekarang untuk menghadapi ujian lebih besar dalam pilihanraya umum kelak.

Tetapi, nasihat Tengku Razaleigh ini jelas tidak didengar oleh Pas. Hingga hari ini, masih terdengar suara dari beberapa orang tokoh Semangat 46 yang mengulang nasihat Tengku Razaleigh itu.

Anggota-anggota Pas tentu ingin tahu mengapa beberapa pemimpin Pas Kuala Selangor tergamak mengutus kawat kepada pemimpin Barisan Nasional Kedah menyeru anggota-anggota Pas supaya jangan menyokong calon parti itu di

Pantai Merdeka.

Haji Fadzil Noor menjawab mudah sahaja: Mereka itu, iaitu Encik Muhyat Haji Yusof dan teman-temannya di Kuala Selangor itu, patut dipecat sahaja dari parti kerana mereka telah mengkhianati Pas.

Tetapi tindakan seperti ini tidak akan memuaskan hati pengikut-pengikut Pas sendiri yang sesetengahnya tentu ingin tahu mengapakah Pas Kuala Selangor begitu jauh bertindak menentang kepemimpinan parti, mengapa mereka masih belum puas hati dengan kepemimpinan Pas berkerjasama dengan Semangat 46?

Penjelasan yang mudah ialah memfitnah bahawa golongan Kuala Selangor itu telah dibeli oleh UMNO, sebagaimana kumpulan Islah di Kelantan ditohmah oleh pemimpin-pemimpin Pas.

Satu lagi isu yang difikir lebih penting ialah pertemuan antara Mursyidul-Am Pas, Haji Yusof Rawa dengan rombongan kumpulan Islah di Pulau Pinang.

Hingga hari ini belum ada reaksi dari Pas secara rasmi. **Harakah** hingga ke saat rencana ini ditulis belum lagi menyiarkan apa-apa ulasan mengenai pertemuan itu sama ada menafikannya atau mengesahkannya. Sikap Pas, nampaknya, ialah seolah-olah pertemuan itu tidak berlaku.

Bagaimanapun, **Mingguan Kota** pernah menyiarkan ulasan Timbalan Pesuruhjaya Pas Kelantan, Haji Nik Abdullah Arshad seperti berikut:

"Tak mungkin mereka dapat jumpa dan tak mungkin Mursyidul-Am (Haji Yusof Rawa) menyokong perjuangan yang lebih menampakkan rasa tak puas hati itu.

"Semua itu hanya untuk mencari publisiti dan simpati. Nyata kumpulan mereka tidak disokong, malah ditolak oleh ahli-ahli Pas. Adalah sesuatu yang memeranjatkan apabila ada dakwaan sedemikian, sedangkan ahli-ahli Pas telah dapat

menerima persefahaman Semangat 46.

Haji Nik Abdullah, dengan lain perkataan, tidak percaya pertemuan antara Haji Yusof Rawa dan kumpulan Islah itu telah berlaku.

Katanya, "kalau mereka berjumpa dengan Haji Yusof, dia yakin mereka tidak bercakap tentang perkara tersebut melainkan tentang perkara-perkara lain yang tidak bersangkutan.

"Saya yakin Haji Yusof bukanlah tokoh agama yang mudah dipengaruhi dan saya yakin beliau tidak menerima perjuangan Islah yang terang-terang menyerang pucuk kepimpinan parti sekali gus majoriti ahli-ahli parti.

"Bagaimanapun saya tidak menafikan kalau mereka ada urusan lain dengan Haji Yusof Rawa. Dan soal Haji Yusof akan kembali memimpin Pas tidak timbul dalam keadaan beliau yang agak uzur. Semua ini hanya diada-adakan," kata Haji Nik Abdullah.

Yang agak menarik hati ialah mengapakah Haji Nik Abdullah sendiri tidak menghubungi Haji Yusof Rawa secara langsung untuk memastikan benar atau tidaknya berita perjumpaan itu?

Mengapa *Harakah* tidak membuat susulan mengenai berita pertemuan itu dengan menghubungi Haji Yusof Rawa sama ada bertemu sendiri di rumahnya taupun menghubunginya melalui telefon.

Haji Nik Abdullah hanya membuat tekaan dan dugaan dari jauh sahaja tanpa beralasan fakta dan kenyataan. Yang menarik lagi ialah setakat ini hanya Haji Nik Abdullah sahaja antara tokoh-tokoh tertinggi Pas yang membuat kenyataan mengenai berita pertemuan Mursyidul-Am Pas itu dengan rombongan Islah itu.

Haji Subky Latif, Haji Fadzil Noor dan Haji Hadi Awang yang biasanya cepat membuat penafian mengenai satu-satu

isu besar seperti ini masih membisu seribu bahasa hingga saat saya menulis rencana ini.

Haji Yusof Rawa sendiri yang tentu telah pun membaca berita itu dalam *Mingguan Kota* tidak membuat apa-apa kenyataan sama ada menafikan atau membenarkan berita tersebut.

Adakah rombongan Islah itu telah berbohong mengenai apa yang diperkatakan oleh Haji Yusof Rawa kepada mereka?

Bagi kita yang berada di luar Pas dan terlepas dari soal sama ada kita ahli Pas atau tidak, sebagai pemerhati yang mengikuti perkembangan dalam parti tersebut, maka kenyataan Haji Yusof Rawa itu amat penting.

Kenyataan itu pada pokoknya menunjukkan Haji Yusof Rawa tidak bersetuju dengan sepak-terajang dan tindak-tanduk kepimpinan Pas sekarang, terutama sekali kerjasamanya dengan Semangat 46.

Satu perkara lagi yang menarik ialah Haji Yusof Rawa itu menunjukkan sikap beliau yang 'liberal' dan terbuka terhadap golongan-golongan dalam Pas yang tidak bersetuju dengan kepimpinan parti itu.

Dengan kata lain, Haji Yusof Rawa adalah pemimpin yang memberi kebebasan kepada percanggahan fikiran dan pendapat dalam parti sebagai satu gejala yang sihat, sebagai satu ciri demokrasi dalam parti yang tidak wajar ditekan dan dikongkong.

Kumpulan Islah mungkin kecil, tetapi suaranya lantang. Lagipun pertentangan mereka bertolak dari sikap dan prinsip mereka mempertahankan kemurnian dasar Pas asal atau asli, iaitu Pas tidak boleh bekerjasama dengan parti-parti sekular seperti Semangat 46.

Mereka juga merujuk kepada dasar asal Pas, iaitu dalam sebuah daerah, jajahan atau negeri tidak diperbolehkan wujud lebih dari satu organisasi yang memperjuangkan cita-



cita negara Islam.

Atas dasar inilah dahulu Pas menentang Hamim dan Berjasa. Tetapi mengapa sekarang Pas mengubah haluan menerima Hamim dan Berjasa, menurut kumpulan Islah itu.

Dengan kata lain, kumpulan Islah adalah kumpulan "fundamentalist" iaitu kumpulan yang berpegang kepada perjuangan asal Pas.

Kepada mereka, perjuangan Pas sekarang telah menyeweng dari landasan yang asal, yang menjadi pegangan parti itu sejak dahulu.

Kumpulan Islah juga tidak menyifatkan perjuangan merebut kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sebagai penting, sebagai soal hidup-matinya parti itu.

Kepada Islah, yang lebih penting ialah menyebarkan syiar Islam kerana menurut mereka, sekalipun Pas menang dan berkuasa, tetapi kalau cara dan kaedah mendapatkan kemenangan itu bersalahan dan berlawanan dengan ajaran agama, bertentangan dengan al-Quran dan Hadis, maka berdosa pemimpin-pemimpin parti itu.

Kumpulan Pas Kuala Selangor sebaliknya, lebih bertolak dari rasa tidak puas hati mereka terhadap cara Pas sekarang membuat keputusan bekerjasama dengan Semangat 46, iaitu kerjasama itu tidak dirunding oleh kepimpinan Pas dengan anggota-anggotanya.

Sehubungan ini agak menarik hati sebuah rencana yang disiarkan oleh *Watan* keluaran Selasa, 13 Mac 1990 oleh seorang penulis, Prof. Madya Dr. Hussain Mohammed bertajuk "Kerjasama pembangkang: Kenapa Islah musuh Pas".

Prof Madya Dr. Hussain yang selalu menulis memperlihatkan simpatinya kepada pembangkang tidak bersedia menyifatkan kumpulan Islah sebagai "Pengkhianat" Pas.

Beliau memberikan beberapa sebab mengenai tanggapannya. Pertama, gerakan Islah bukanlah sebuah parti baru, tetapi menyifatkan diri mereka sebagai "anggota dan tokoh Pas sejati," hidup mati mereka adalah untuk dan kerana Pas.

Kata penulis itu lagi, "Gerakan menentang pakatan dan kerjasama Pas dan Semangat 46 khususnya adalah dilakukan atas rasa insaf dan sayangkan "ketulenan" imej identiti dan kewibawaan Pas sebagai sebuah harakah Islamiah yang berpegang kepada al-Quran dan hadis."

Dr. Hussain menyambung, "tidaklah salah untuk kita menghormati mereka kerana atas dasar keyakinan yang tegas dan keras itu, mereka bersusah payah pula pergi mengadu dan mendapatkan nasihat tertentu daripada seseorang yang bernama Haji Yusof Rawa yang sudah diiktiraf sebagai Murshidul-Am parti Pas sendiri."

Penulis itu menegaskan, "...Kumpulan Islam dalam Pas ini mempunyai satu keistimewaan yang lain, iaitu mereka juga mempunyai kebijaksanaan tersendiri dalam menilai apa yang baik dan apa yang mungkin buruk dan yang dikira boleh merugikan Pas sendiri pada akhir-akhirnya kelak."

Beliau menambah, "Soal sejauh mana tepatnya jangkauan fikiran dan kebijaksanaan mereka itu haruslah juga dikaji ditenungi dengna perasaan 'baik sangka' juga."

Kumpulan Islah menurut istilah politik adalah "pressure group" dalam Pas, sebuah kumpulan pengawas yang menyifatkan kewajipan mereka ialaha "mengecek" penyelewengan kepemimpinan Pas.

Tegasnya, mereka adalah menurut istilah politik berperanan sebagai "conscience" parti.

Mengapakah kepemimpinan Pas bersusah payah menekan kumpulan itu?

Sebabnya ialah Pas kini tidak lagi memberi keutamaan atau kepada soal ideologi, iaitu kepada perjuangan asal untuk

menegakkan negara Islam.

Memeng benar, Pas mengkritik Barisan Nasional dan UMNO kerana menyeleweng dari landasan Islam, tetapi sikap ini sebenarnya untuk melepaskan batuk di tangga sahaja.

Apa yang diutamakan oleh Pas ialah membesar-besarkan isu "kemungkaran, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa" seperti yang diperjuangkan oleh Semangat 46 dan DAP.

Pas dan Dap saling kritik mengkritik kerana yang satu tidak dapat menerima dasar perjuangan yang lain, tetapi hal ini memang wajar dan dibesarkan oleh kedua-duanya untuk menunjukkan, kononnya, masing-masing tetap berpegang kepada ideologi.

Bagaimanapun, hal yang penting bagi mereka ialah mencapai titik pertemuan dalam isu-isu yang ada hubungkaitnya dengan "penyelewengan, kemungkaran dan penyalahgunaan kuasa."

Dengan itu, mereka bersama-sama membesar-besarkan isu Suruhanjaya Pilihanrayanya, menyokong Election Watch, menghentam Kerajaan mengenai isu Vijandran, bidang kehakiman, kongkongan akhbar, isu-isu kebebasan hak manusia dan sebagainya.

Kita dapat melihat, kerjasama pembangkang, termasuk Pas dalam isu Suruhanjaya Pilihanraya baru-baru ini yang dikemukakan oleh Dap dalam Dewan Rakyat sedangkan isu itu menyangkut kepentingan Pas di Terengganu dan di Kelantan.

Dengan membuat heboh dan ribut mengenai isu-isu tersebut, Pas mengharapkan isu-isu yang pokok yang ada kaitannya dengan ideologi dapat dikesampingkan dari perhatian ahli-ahlinya seperti isu calon-calon wanita dalam pilihanraya umum kelak, isu kerjasamanya dengan Semangat 46 dan sebagainya.

## PAS TAKUT KEPADA KEBENARAN

Soalnya di sini, mengapakah Pas takut kepada "kebenaran" yang diperjuangkan oleh ahli-ahlinya yang bergerak dalam Islah? Adakah Pas takut kepada kebenaran?

## PEMIMPIN PAS BERPECAH-BELAH

ADAKAH Pas sekarang bermain silap mata mengenai soal kerjasamanya dengan Dap?

Pemerhati-pemerhati menarik perhatian kepada kenyataan-kenyataan yang saling bercanggah yang dibuat oleh tokoh-tokoh Pas mengenai kerjasamanya dengan Dap.

Mereka menunjuk kepada sikap tokoh-tokoh Pas, seperti Haji Mustapha Ali, mengenai kerjasama Semangat 46 dengan Dap dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Presiden Pas, Haji Fadzil Noor.

Pemerhati-pemerhati mengsyaki akan adanya perzedaan pendapat yang tajam antara golongan yang pro-kepada kerjasama Pas-Dap di satu pihak dengan golongan yang anti kerjasama Pas-Dap di satu pihak di dalam kepemimpinan Pas.

Isu ini belum selesai kerana dalam soal kerjasama dengan Dap, tokoh-tokoh Pas terpaksa mengkaji sama kerjasamanya dengan Semangat 46.

"Pas telah mengikat satu front dengan Semangat 46 dalam Angkatan Perpaduan Ummah. Tetapi, ia tidak bersetuju dengan Semangat 46 mengikat kerjasama dengan Dap. Ini menyebabkan Pas terlalu sulit untuk memecahkan masalah itu," menurut pemerhati-pemerhati.

Pemerhati-pemerhati meramalkan bahawa Pas akhirnya akan menerima Dap sebagai teman dalam pilihanraya umum akan datang.

Mereka merujuk kepada kenyataan Naib Yang Dipertua Pas, Dr. Daeng Sanusi Daeng Mariok, baru-baru ini, mengenai soal kerjasama Pas-Dap.

Dr. Daeng Sanusi berkata bahawa gagalnya Dap memahami konsep negara Islam tidak bermakna kerjasama parti-parti pembangkang juga akan gagal.

Dr. Daeng Sanusi menegaskan, antara Pas dan Dap telah wujud pengertian untuk bekerjasama bagi menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional.

Beliau menambah, walaupun Dap menolak konsep negara Islam, "tetapi mereka juga mempunyai hasrat yang sama dengan Pas dan parti pembangkang lain, iaitu untuk melihat Barisan Nasional tumbang dalam pilihanraya umum nanti."

Beliau menyambung, "Walaupun Dap menolak konsep negara Islam, tetapi pakatan pembangkang tetap wujud bagi menjayakan usaha menumbangkan Kerajaan Barisan Nasional."

Pemerhati-pemerhati menyifatkan kenyataan Dr. Daeng Sanusi itu sebagai penting kerana ia menunjukkan Pas tidak keberatan, malah menerima kerjasama Dap, berdasarkan persamaan matlamat menggulingkan Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum akan datang.

"Pas membatasi kerjasamanya dengan Dap hanya setakat merebut kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sahaja. Umpamanya memujuk orang-orang Melayu dalam kawasan pilihanraya di mana Dap bertanding, untuk mengundi calon-calon Dap, demikian juga sebaliknya. Kerjasama itu bukan untuk menegakkan Negara Islam, tetapi untuk kuasa politik sahaja," kata seorang pemerhati.

Adakah kerjasama seperti ini diterima bulat-bulat oleh kepemimpinan Pas tidaklah diketahui. Tetapi, pemerhati-pemerhati yakin Semangat 46 telah berjaya memujuk sebahagian besar tokoh-tokoh Pas yang berpengaruh untuk

menerima konsep kerjasama itu.

"Mungkin Haji Fadzil Noor, Subky Latif, Dr. Daeng Sanusi serta Haji Halim Arshat telah menerima gagasan itu kerana mereka lebih pragmatis daripada tokoh-tokoh lain, seperti Haji Mustapha Ali," kata seorang pemerhati.

Pemerhati-pemerhati menegaskan bahawa kerjasama Pas dengan Dap dalam pilihanraya umum memang telah berlaku di masa lalu seperti yang dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Muar baru-baru ini.

"Kerjasama seperti ini bukan perkara baharu," kata seorang penganalisis politik UMNO.

"Pemimpin-pemimpin Pas sekarang bermain silap mata dengan anggota-anggotanya, pura-pura menentang kerjasama dengan Dap kerana Dap menentang konsep Negara Islam mereka. Tetapi, sebenarnya di sebalik itu, mereka mengadakan rundingan tidak rasmi mungkin secara langsung, mungkin melalui Semangat 46, untuk bekerjasama dengan Dap seperti yang dijelaskan dengan terus terang oleh Dr. Daeng Sanusi dalam *Watan*, baru-baru ini," kata pemerhati tersebut.

Adalah menarik perhatian bahawa Dr. Daeng Sanusi telah menyeru parti-parti pembangkang supaya jangan mengemukakan isu-isu yang "boleh memberi gambaran seolah-olah mereka tidak bersatu menjelang pilihanraya umum akan datang."

Beliau menasihatkan parti-parti pembangkang harus "berkorban" dengan "melupakan" isu-isu yang tidak dapat diselaraskan sesama pembangkang."

Adalah wajar Dap mengetepikan isu negara Islam buat seketika, jika mereka terus tegas menolak konsep itu," kata Dr. Daeng Sanusi.

Dengan perkataan lain, Pas menganjurkan supaya diadakan semacam genjatan senjata antara parti-parti pembang-

kang, iaitu menghentikan bagi sementara waktu serang-menyerang antara satu sama lain demi kepentingan masa depan barisan pembangkang dalam menghadapi pilihanraya umum.

“Dap jangan mengumumkan ia tetap menolak Negara Islam, sedangkan Pas pula jangan menghentam Dap. Inilah kehendak Dr. Daeng Sanusi. Pas mesti melupakan hakikat Dap menentang Negara Islam untuk bekerjasama dengan parti itu. Demikian maksud Dr. Daeng Sanusi.

“Dengan perkataan lain, Pas terpaksa melupakan cita-citanya hendak mendirikan Negara Islam dalam pilihanraya umum nanti,” kata pemerhati-pemerhati.

Pemerhati-pemerhati menegaskan, sama ada pendekatan seperti ini akan diterima oleh tokoh-tokoh Pas yang lain seperti Haji Mustapha Ali, tidaklah diketahui.

Tetapi, baru-baru ini, Pesuruhjaya Pas Terengganu, Dr. Haji Harun Taib, yang kini menjadi ADUN Teluk Pasu menyatakan sokongannya terhadap kenyataan Haji Mustapha Ali yang menentang kerjasama Pas dengan Dap.

Menurut *Watan*, ketika ditanya kemungkinan Semangat 46 mempunyai mulihah tertentu untuk bekerjasama dengan Dap, Dr. Haji Harun berkata, “Dalam perjuangan Islam, kita tidak boleh mempunyai muslihat dalam bentuk ‘penipuan’ kepada rakyat”.

Menurut *Watan*, Dr. Haji Harun juga tidak bersetuju, jika ada parti yang mengadakan persefahaman dengan Dap atas alasan mempunyai muslihat tertentu kerana ini dianggap oleh beliau bertentangan dengan Islam.

Ketika ditanya kemungkinan pakatan Semangat 46 dengan Dap bertujuan untuk mendapat dua pertiga majoriti di parlimen, Dr. Haji Harun berkata:

“Kita tidak bersedia untuk mencapai kemenangan dua pertiga majoriti dengan cara yang tidak betul.”



Dia menegaskan, "Apa yang jelas, Pas tidak pernah sibuk untuk mendapatkan dua pertiga majoriti kerana perlembagaan kita sebenarnya ialah al-Quran dan Hadis."

Dr. Haji Harun menambah, dalam apa jua keadaan, Pas tidak seharusnya mengutamakan dua pertiga majoriti kerana proses untuk kemenangan Islam sememangnya perlu melalui jalan yang sangat panjang.

Pemerhati-pemerhati mendapat kesan bahawa kenyataan Dr. Haji Harun ini berupa ingatan kepada tokoh-tokoh Pas, seperti Haji Fadzil Noor, Subky Latif dan Dr. Daeng Sanusi, supaya jangan mencari jalan mudah untuk memenangi pilihanraya umum.

Golongan pemimpin-pemimpin Pas, seperti Dr. Haji Harun, Haji Mustapha Ali dan mungkin Haji Hadi Awang sendiri, beranggapan bahawa Pas harus memelihara kemurnian dan keaslian prinsipnya, sekali pun ia terpaksa berjuang sendirian dalam pilihanraya akan datang tanpa menjejaskan prinsip itu dengan bekerjasama dengan parti seperti Dap yang anti-Negara Islam.

Seorang pemerhati berkata, "Nampaknya golongan dalam Pas seperti haji Mustapha Ali dan Dr. Haji Harun Taib, tetap dengan prinsip perjuangan Pas, iaitu hendak menegakkan negara Islam dan tidak bersedia tawar-menawar dengan Semangat 46 atau Dap dalam soal prinsip."

Perkembangan-perkembangan mutakhir jelas menunjukkan bahawa Semangat 46 ingin menjadi parti pemerintahan dengan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Perdana Menteri.

Adakah Pas bersedia menerima Tengku Razaleigh menjadi Perdana Menteri dan Semangat 46 menjadi parti berkuasa?

Bagaimana dengan prinsip Negara Islam Pas? Adakah cita-cita "Addin" Semangat 46 mencukupi dan memadai untuk membuka jalan kepada Pas mencapai cita-cita Negara Islamnya?

Adakah Semangat 46 dan Tengku Razleigh hanya bersedia memperjuangkan "Addin" sahaja, tetapi tidak bersedia berjuang lebih jauh daripada itu, iaitu menegakkan Negara Islam?

Dap telah menyatakan bahawa penubuhan Negara Islam adalah bertentangan dengan Perlembagaan Negara. Tambahan pula, menurut Dap, cita-cita Negara Islam tidak akan tercapai kerana sebarang perubahan dalam sistem pemerintahan mesti diluluskan oleh Parlimen, sedangkan Pas tidak mungkin mendapat sokongan lebih dua pertiga dalam parlimen untuk meluluskan perubahan sistem pemerintahan itu.

Semangat 46 tidak pernah memberi pengakuan akan menolong Pas mendirikan Negara Islam. Tengku Razleigh hanya bersedia menjadikan "Addin" sebagai satu sistem hidup rakyat Islam negara ini dan seperti yang pernah diketakannya dalam satu interviunya dengan *Watan*, mungkin Semangat 46 hanya sanggup mengharamkan perjudian di negara ini.

Tetapi, tindakan demikian tidak bererti membuka jalan ke arah penubuhan sebuah negara Islam, kata pemerhati-pemerhati.

Pemerhati-pemerhati juga menunjuk kepada tanda-tanda yang semakin jelas mengenai perbezaan dalam pendekatan setengah-setengah tokoh Pas sendiri terhadap isu kerjasama dengan Semangat 46.

Kalau beginilah hakikatnya, mengapakah pucuk pimpinan Pas masih mahu menyandarkan harapan kepada Semangat 46? Tidakkah lebih bermakna, kalau Pas terus berjuang bersendirian?

## SUBKY LATIFF PEMBOHONG?

PAS tentu tidak sedia mengakui bahawa partinya di Kuala Selangor berkekrisis mengenai soal kerjasama Pas dan Semangat 46.

Tetapi, isu itu tidak boleh tidak telah membawa kepada ketegangan antara Pas Kuala Selangor dengan Semangat 46.

Setiausaha Agung Pas Pusat, Haji Abdul Halim Arshad, telah pun menyifatkan tindakan Pas Kuala Selangor menyaman Semangat 46 kerana menggunakan lambang Pas, sebagai satu tindakan 'pengacau.'

Soal Semangat 46 menggunakan lambang Pas tanpa kebenaran parti itu hanya bersifat soal luaran sahaja, tetapi ada yang menjadi isu sebenarnya ialah soal kerjasama Pas dan Semangat 46.

*Berita Harian*, 5 Januari 1990, melaporkan, Ketua Pas Kuala Selangor, Encik Muhayat Haji Yusuf, sebagai menuduh ketua Penerangan Pas Pusat, Haji Subky Latif, bercakap "bohong" kerana memberi kenyataan yang tidak benar berhubung dengan pakatan parti itu dengan Semangat 46.

Haji Subky baru-baru ini berkata, semua peringkat negeri dan kawasan Pas "sudah diberitahu mengenai kerjasama mereka dengan Semangat 46."

Tetapi Encik Muhayat berkata, dakwaan Haji tidak benar kerana Pas Kuala Selangor tidak pernah diberitahu sama ada oleh Pas Negeri Selangor mahupun Pas Pusat mengenai

kerjasama Pas dengan Semangat 46.

“Setakat ini, kerjasama seperti itu tidak wujud,” tegas Encik Muhayat.

Menurut Encik Muhayat, jika ada kerjasama seperti itu seharusnya beliau, iaitu Encik Muhayat sendiri, telah diberitahu dan segala tindakan tentunya dilakukan bersama.

Tetapi, sebaliknya, menurut Encik Muhayat lagi, perkara ini tidak pernah dilakukan oleh anggota Pas kawasan berkenaan.

Encik Muhayat kemudian mencabar Haji Subky supaya menunaikan segala janjinya untuk mengadakan muktamar khas bila Pas dan Semangat 46 mengumumkan kerjasama setahun lalu.

“Mana janji-janji itu? Sehingga kini tidak ada muktamar khas diadakan dan Encik Subky membuat kenyataan itu tidak benar,” kata Encik Muhayat.

Sekarang Encik Muhayat disifatkan oleh Setiausaha Agung Pas Pusat, Haji Halim sebagai “pengacau.”

“Kesalahan” Pas Kuala Selangor ialah ia tidak mengakui kerjasama Pas dengan Semangat 46 kerana perkara tersebut belum lagi diberitahu kepadanya, baik oleh Pas Selangor atau Pas Pusat, seperti yang diterangkan oleh Encik Muhayat.

Adakah benar dakwaan Encik Muhayat itu?

Adakah benar seperti yang di dakwa oleh Pas Kuala Selangor bahawa Haji Subky belum lagi memenuhi janjinya hendak mengadakan muktamar khas mengenai isu kerjasama Pas dengan Semangat 46?

Soalan-soalan itu belum terjawab lagi oleh Haji Subky ataupun oleh Haji Halim. Sebaliknya, kini pemimpin Pas Kuala Selangor dituduh sebagai pengacau dan menghadapi bahaya tindakan disiplin oleh Pas Pusat.

Haji Halim menuduh Encik Muhayat cuba menggugat kerjasama Pas dan Semangat 46, menurut *Watan*, tetapi

adakah tuduhan itu wajar?

Kalau benar dakwaan Encik Muhayat bahawa pihaknya belum diberitahu mengenai kerjasama itu, adalah bererti bahawa yang bersalah bukannya Pas Kuala Selangor, tetapi sebaliknya ialah Pas Negeri dan Pas Pusat.

Pas Kuala Selangor, berdasarkan penjelasan Encik Muhayat, tidak tahu-menahu secara resmi mengenai kerjasama Pas dan Semangat 46.

Muka, timbullah pertanyaan, adakah kerjasama Pas dan Semangat 46 sebenarnya telah dimuafakatkan bersama oleh Pas Pusat dengan tiap-tiap bahagian dan kawasan Pas seluruh negara?

Atau adakah isu kerjasama Pas dan Semangat 46 hanya diputuskan oleh tokoh-tokoh Pas Pusat sahaja dengan tidak dirujuk kepada seluruh warga Pas?

Adakah kita harus menolak mentah-mentah sahaja keterangan Encik Muhayat bahawa pihaknya tidak tahu menahu tentang pakatan Pas dengan Semangat 46 selama ini?

Masalah Pas Kuala Selangor dengan Semangat 46 bukan seperti golongan "Islah" Pas Kelantan.

Golongan Pengislah Pas Kelantan menentang kerjasama Pas dengan Semangat 46 atas dasar bahawa kerjasama itu melanggar prinsip perjuangan Pas.

Kepada golongan Pengislah Pas Kelantan, Semangat 46 tetap bercorak dan bersifat sebuah parti sekular yang tidak harus dijadikan teman seperjuangan Pas.

Golongan Pengislah Pas Kelantan tidak yakin kepada "ADDIN" Semangat 46.

Mereka menuntut supaya pakatan Pas-Semangat 46 itu dibatalkan. Tidak sahaja setakat itu sahaja, tetapi golongan Pengislah itu menuntut supaya Pas menolak kerjasama dengan Hamim dan Berjasa kerana, menurut fatwa Pas yang

dikeluarkan pada 1986 dahulu, sesebuah negeri atau kawasan tidak boleh diwakili oleh banyak pertubuhan agama.

Yang demikian, agak luar biasa dan aneh sekali reaksi tokoh-tokoh Pas seperti Haji Halim Arshat terhadap Pas Kuala Selangor kononnya "pengacau".

Apa yang diminta oleh Pas Kuala Selangor hanya penjelasan dari Pas Pusat dan Pas Negeri mengenai kerjasama parti itu dengan Semangat 46.

Encik Muhayat memberitahu *Mingguan Kota*, "Kita tidak mahu ahli-ahli Pas di peringkat bawahan dikelirukan oleh pemimpin-pemimpin Pas Pusat dan negeri seolah-olah ada kerjasama antara Pas dan Semangat 46 di kawasan Kuala Selangor Malah Angkatan Perpaduan Ummah tidak pernah wujud, kecuali dari gembur-gembur dalam ceramah-ceramah."

Encik Muhayat menambah bahawa Pas Kuala Selangor tidak pernah adakan apa-apa rundingan dengan Semangat 46. Sekiranya dikatakan wujud pakatan tersebut, ia dibuat tanpa saluran yang sah.

Dengan sebab itulah, kata Encik Muhayat lagi, "Kita hendak meminta penjelasan dari Pas Pusat dan negeri tentang kerjasama yang dilaung-laungkan, malah parti Semangat 46 telah sanggup mengadakan ceramah di Kampung Asam Jawa., di Kuala Selangor dengan menggunakan simbol Pas tanpa pengetahuan AJK Pas disini."

Ketua Penerangan Pas Kuala Selangor, Encik Saman Mohd. Arif, menuduh Yang Dipertua Pas, Haji Fadzil Noor, sendiri sanggup melanggar saluran parti apabila beliau (Haji Fadzil Noor) menjadi penceramah di majlis tersebut.

Encik Saman berkata, "Kita kesal kerana Datuk Rais Yatim, Datuk Haji Harun Idris dan Datin Paduka Rahmah Osman sanggup memeralatkan Pas untuk kepentingan politik mereka dengan berceramah di majlis tersebut."

Menurut beliau ahli-ahli Pas dan AJK Pas di kawasan itu sedang menunggu penjelasan dari pemimpin Pas Pusat dan negeri mengenai majlis ceramah itu.

Kalau Haji Halim menuduh Encik Muhayat sebagai "pengacau" maka Timbalan Pesuruhjaya Pas Selangor, Haji Mohsinon Tahir, mengancam akan mengambil tindakan memecat Encik Muhayat dan teman-temannya.

Apa yang menarik dalam isu ini ialah cara pemimpin-pemimpin Pas di Pusat dan di Peringkat Negeri mendekati sesuatu masalah dalaman parti tersebut.

Kalau diamati, isu itu tidak menyentuh soal prinsip. Ia tak ada kaitan langsung dengan prinsip Pas bekerjasama dengan Semangat 46.

Rasa tidak puas hati Pas di Kuala Selangor hanya berkisar pada soal mereka tidak diberitahu mengenai kerjasama itu oleh Pas Pusat dan negeri.

Bertolak dari itu, mereka tidak mengakui dengan rasmi akan kewujudan kerjasama Semangat 46 dan Pas. Inilah juga mereka membantah Semangat 46 mempergunakan lambang Pas dalam majlis Semangat 46 di Asam Jawa, baru-baru ini.

Tetapi, mengapa begitu sensitif sekali reraksi Pas Pusat seperti Halim dan Pas negeri seperti Haji Mohsinon Tahir?

Inilah yang agak menarik hati, iaitu reaksi tokoh-tokoh Pas yang itu tidak setimpal dengan persoalan yang mereka hadapi.

Manakala mereka membingcangkan krisis dalam UMNO di mana kepimpinan UMNO memecat ahli-ahli mereka sendiri, maka pemimpin-pemimpin Pas terlalu cepat menempelak UMNO bertindak secara "kuku besi" terhadap ahli-ahlinya.

Secara jujur kita mengajak pemimpin-pemimpin Pas membandingkan tidak-tanduk Tengku Razaleigh Hamzah dan

pemimpin-pemimpin lain dari Semangat 46 sebelum mereka menubuhkan parti baru mereka dengan apa yang mereka buat oleh Encik Muhyat terhadap Pas.

Golongan serpihan UMNO yang kini bergelar "Semangat 46" telah bertindak hingga membawa UMNO diperintahkan supaya dibubarkan oleh mahkamah. Sedangkan Encik Muhyat dari Kuala Selangor cuma meminta penjelasan sahaja dari Pas Pusat dan Pas Negeri mengenai kerjasama Pas dan Semangat 46 .

Tetapi Encik Muhyat kini dihadapkan dengan berbagai ugutan oleh tokoh-tokoh Pas. Mungkin ada perkara yang lebih besar tersembunyi dalam peristiwa Pas Kuala Selangor dengan Semangat 46 yang tidak diketahui oleh kita.

Mungkin mereka benar di sebalik rasatidak puas hati Pas Kuala Selangor, terselip isu yang lebih besar yang menyentuh perkara prinsip, seperti golongan Pengislah Pas Kelantan.

Kita tidak tahu latarbelakang sebenarnya di sebalik pertentangan Pas Kuala Selangor itu.

Tetapi, setakat apa yang kita ketahui berdasarkan berita-berita yang tersiar dalam media hingga hari ini, kita berasa bahawa ahli-ahli Pas kini berhak menanya kepada pemimpin-pemimpin mereka, adakah sebenarnya demokrasi dalam parti mereka, di mana ahli-ahli yang dapat menyuarakan pendapat yang bebas tanpa ditempelak sebagai pengacau dan dihidapkan bahaya akan disingkir dari parti mereka.

Benarkah Pas mengamalkan demokrasi? Adilkah Encik Muhyat dituduh sebagai "seorang pengacau"?

Siapakah yang latah dalam konteks ini? Kepimpinan Pas atau Encik Muhyat yang mencari kebenaran dan penjelasan?



## DIPECAT KERANA MENEGAK KEBENARAN

*Harakah*, 10 November 1989, telah menyiarkan berita besar di halaman hadapannya bahawa Jawatankuasa Tatatertib parti itu telah mengambil tindakan ke atas beberapa anggotanya yang selama ini menimbulkan kegelisahan di kalangan ahli-ahli hingga menjejaskan kelancaran gerak kerja parti itu.

Jawatankuasa Tatatertib yang bersidang pada 30 September 1989 dipengerusi oleh Timbalan Yang Dipertua Pas, Haji Hadi Awang dan dianggotai oleh Naib yang Dipertua Pas, Dr. Daeng Sanusi Daeng Mariok; Ketua Dewan Ulama Pas Pusat Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat; Setiausaha Agung Pas, Ustaz Halim Arshad dan Jawatankuasa kerja Pusat, Wan Mutalib Wan Embong.

Menurut *Harakah*, mereka yang akan diambil tindakan itu telah dikenal pasti, tetapi kenyataan rasmi Pas itu tidak menyebut nama-nama mereka itu.

*Harakah* sekadar mengumumkan bahawa Jawatankuasa Tatatertib itu telah menghantar surat tunjuk sebab mengapa mereka tidak boleh dikenakan tindakan disiplin.

Menurut perlembagaan Pas, Jawatankuasa Tatatertib berkuasa memberi amaran, melucutkan hak-hak dalam parti, menggantung keahlian atau memecat dari menjadi ahli ke atas para anggota yang melanggar disiplin parti.

*Harakah* tidak menghuraikan satu demi satu kesalahan yang dilakukan oleh mereka yang diperlakukan tindakan

disiplin itu.

Tetapi rakyat, terutama ahli-ahli Pas Kelantan dapat mengagak siapakah mereka yang dikenal pasti oleh Jawatankuasa Tatatertib itu dan yang telah dikenakan tindakan disiplin itu.

Seminggu lebih awal daripada itu, iaitu dalam keluarannya pada 3 November 1989, *Harakah* telah menyiarkan sebagai berita besar di halaman depannya sebuah berita bertajuk: "Pas Pusat diminta bertindak."

Berita itu memetik kenyataan ahli jawatankuasa Kerja Pas Pusat, Haji Abdul Wahab Abdul Rahman, yang menggesa Jawatankuasa Tatatertib Pas supaya bersidang segera untuk berbincang tindakan beberapa pemimpin Pas peringkat kawasan yang telah membuat kenyataan akhbar yang bercanggah dengan keputusan yang dibuat oleh Pas Pusat.

*Harakah* menyebut Haji Abdul Wahab sebagai berkata, "Sejak akhir-akhir ini, ada di antara pemimpin Pas peringkat kawasan di Kelantan telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang boleh menimbulkan keraguan di kalangan ahli-ahli Pas."

Haji Abdul Wahab menambah, "Kenyataan-kenyataan akhbar yang dibuat oleh beberapa tokoh Pas kawasan Kota Bharu itu, bukan sahaja memecahkan perpaduan parti, malah boleh mengurangkan keyakinan ahli-ahli Pas terhadap pucuk pimpinan Pas sekarang.

"Kalau telatah dan tindak-tanduk beberapa kerat tokoh Pas Kelantan itu tidak dihalang dari sekarang, maka sudah pasti akan menimbulkan keadaan yang lebih tegang dalam parti.

"Sudah sewajarnya, Jawatankuasa Tatatertib mengambil tindakan disiplin terhadap mana-mana tokoh Pas yang menentang pucuk pimpinan sekarang.

"Selagi tindakan disiplin tidak diambil, mereka akan terus menggunakan nama Pas untuk menentang pucuk pimpinan

Pas," kata Haji Abdul Wahab kepada *Harakah*.

*Harakah* selanjutnya memetik Haji Abdul Wahab sebagai berkata, "Beberapa kerat pemimpin Pas kawasan Kota Bharu tidak akan dapat menggunakan pucuk pimpinan Pas, kalau tindakan disiplin dikenakan ke atas mereka dari sekarang. Sebelum mereka diperalatkan oleh pihak musuh, maka sudah sewajarnya tindakan disiplin diambil terhadap mereka, demi keutuhan Pas."

Dalam keluaran yang sama juga, *Harakah* menyiarkan sepucuk surat dari seorang pembaca bernama "Nadiyah Zulkifli" Kuala Terengganu yang menuntut supaya "Pas patut ambil tindakan disiplin" terhadap beberapa tokoh Pas di Kelantan.

Surat itu berkata bahawa baru-baru ini, dia telah mengikuti Majlis Perasmian Ijtimak Muslimat Pas Negeri Terengganu di Rusila di mana Haji Hadi Awang telah mengatakan tentang adanya orang-orang Pas yang "melatah dengan mainan akhbar."

"Nadiyah Zulkifli" berkata, "tindakan beberapa orang kita, terutamanya di Kelantan, yang melatah dengan mainan sebuah akhbar mingguan ini adalah tidak matang dalam politik dan merugikan parti kita."

Oleh itu, "Nadiyah Zulkifli" menyeru Jawatankuasa Disiplin Pas patut bersidang dan mengambil tindakan ke atas orang-orang ini" agar ia "memberi pengajaran kepada orang-orang kita bahawa kita juga ada disiplin."

Seterusnya "Nadiyah Zulkifli" berkata: Perkara ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja dengan hanya melahirkan kekesalan tanpa apa-apa tindakan yang rasmi dari parti.

"Saya rasa ini amat penting sekali kerana saya bimbang kalau-kalau fenomena tidak berdisiplin ini akan menular terus di kalangan ahli dan pemimpin pertengahan serta bawahan kita ini.

"Jika ini berterusan, lambat lagilah jawabnya parti ini akan menang dalam perjuangan menerusi sistem demokrasi berparlimen ini."

*Harakah* pada 3 November 1989 juga menyiarkan amaran terbuka Haji Hadi kepada sebuah akhbar mingguan. Haji Hadi tidak menyebut nama akhbar mingguan itu.

Tetapi, dalam ucapannya merasmikan Ijtimak Muslimat Negeri Terengganu itu, Haji Hadi menuduh akhbar mingguan itu cuba memecah-belahkan perpaduan yang dibentuk oleh Pas.

● Sasaran, kecaman dan amaran keras Haji Hadi itu ialah akhbar *Mingguan Kota* yang banyak menyiarkan berita-berita di sekitar kegiatan Kumpulan Pengislah Pas Kelantan yang menentang kerjasama Pas dan Semangat 46 serta perletakkan calon-calon wanita dalam pilihanraya akan datang.

Kita mendapat kesan sekarang, keluaran *Harakah* 3 November 1989 itu sengaja dimaksudkan untuk memberitahu awal-awal lagi kepada ahli-ahli Pas tentang tindakan disiplin yang akan diambil oleh Jawatankuasa Tatatertib Pas yang berita keputusannya pada keluaran 10 November 1989.

Tetapi, sebenarnya Jawatankuasa Tatatertib itu, menurut *Harakah*, telah bersidang serta membuat keputusan mengambil tindakan disiplin ke atas tokoh-tokoh Pas Kelantan itu pada 30 November lalu.

Tindakan keras Jawatankuasa Tatatertib itu agak luar biasa dan jelas bercanggah dengan kenyataan Presiden Pas, Haji Fadzil Noor, yang menegaskan bahawa isu kerjasama Pas dan Semangat 46 serta isu calon-calon wanita dalam pilihanraya umum adalah isu-isu kecil.

Bagaimanapun adalah jelas sekarang bahawa sebenarnya Pas tidak memandang kecil pergolakan Kumpulan Pengislah Kelantan itu yang diakui telah menjejaskan perpaduan parti itu.

**Mingguan Kota** menyiarkan berita bahawa tindakan disiplin Pas itu dikenakan ke atas kira-kira 15 ahlinya.

Haji Subky Latif, Ketua Penerangan Pas, telah mengesahkan berita itu kepada akhbar tersebut, tetapi enggan menyebut nama-nama mereka.

Haji Subky cuma berkata, seorang daripada ahli itu dianggap bukan lagi sebagai ahli Pas.

"Nama tak perlu disahkan, tetapi cukuplah kami menganggap beliau bukan lagi ahli Pas.

Beberapa orang digantung keahlian, manakala yang bakinya diberikan surat tunjuk sebab," kata Haji Subky.

Berdasarkan nama-nama tokoh Pas yang selalu disebut-sebut dalam akhbar menentang kerjasama Pas dan Semangat 46, kita bolehlah mengagak siapa mereka itu yang telah dikenakan disiplin itu.

Antaranya, barangkali, nama Haji Noor Idris, Ahli Jawatankuasa Dewan Ulama Pas Kelantan yang telah membongkar rahsia kata dua Haji Hadi kepada tengku Razaleigh Hamzah kepada pihak akhbar.

Juga Haji Mawardi Ahmad, ADUN Lundang dan bekas Timbalan Pesuruhjaya Pas Kelantan, yang sangat nyaring dan lantang suaranya menentang ura-ura hendak meletakkan calon wanita dalam pilihanraya akan datang dan yang menentang juga bekerjasama Pas dan Semangat 46.

Nama-nama lain, barangkali, termasuk bekas calon Pas Cetok (1986), Mustafa Taib; Haji Mohammad Sabri, bekas calon Pas Macang (1986) dan Haji Wan Ismail. Mengapa Pas bertindak begini keras?

Kita mengingatkan kepada peristiwa bekas Naib Presiden Pas, Haji Nakhaie Ahmad dahulu. Sebelum menyertai UMNO, Ustaz Haji Nakhaie banyak menulis dalam akhbar **Harakah** mengecam dan mengkritik dasar Pas. Tulisan-

tulisanya antara lain, mengecam ura-ura kerjasama Pas dengan Tengku Razaleigh.

Haji Nakhaie malahan mengecam beberapa dasar pucuk pimpinan Pas. Beliau mengajak anggota-anggota Pas supaya jangan mengamalkan sifat taklid buta terhadap pemimpin, jangan taksub melainkan hendaklah berfikiran terbuka serta progresif.

Dia mengecam keras cara pentadbiran parti Pas yang menurutnya, tidak selaras dengan sifat Pas sebagai sebuah organisasi.

Tulisan-tulisan Haji Nakhaie juga menimbulkan kontroversi di kalangan ahli-ahli Pas serta polemik dalam akhbar. Tetapi, mengapalah Jawatankuasa Tata tertib Pas atau pucuk pimpinan Pas tidak bertindak ke atas Haji Nakhaie melainkan membiarkan beliau menulis dalam *Harakah* mengecam pucuk pimpinan partinya serta dasar-dasar parti?

Sebaliknya, Pas membiarkan Haji Nakhaie hingga beliau sendiri menarik diri daripada parti kerana bosan, agaknya, fikirannya tidak dilayan oleh pemimpin-pemimpin partinya.

Pendekatan Pas terhadap isu Haji Nakhaie nyata sekali berbeza dengan pendekatan terhadap tokoh-tokoh dalam Kumpulan Pengislah Pas Kelantan. Kali ini Pas bertindak keras.

Ada dua sebab barangkali ia berbuat begitu:

Partama, kegiatan dan kempen Kumpulan Pengislah Pas Kelantan ditujukan untuk menjejaskan kerjasama Pas dan Semangat 46, malahan keutuhan Angkatan Perpaduan Ummah.

Kedua, kegiatan dan kempen Kumpulan Pengislah itu dilakukan di kalangan anggota-anggota Pas di Kelantan yang menjadi Angkatan Perpaduan Ummah serta kegiatan itu mendapat sambutan di kalangan masyarakat Pas serta sendiri dan menimbang pilihanraya umum telah hampir, Pas terpaksa

bertindak melumpuhkan sama sekali Kumpulan itu sebelum ia merebak hingga menjejaskan rancangannya untuk berkuasa.

Adakah tindakan itu membayangkan kegelisahan dan rasa tidak yakin pada diri sendiri di pihak pemimpin-pemimpin Pas?

Adakah tindakan itu sebenarnya ditujukan untuk melindungi Semangat 46 dari kecaman dan serangan ahli-ahli Pas yang tidak puas hati dan masih menaruh perasaan dendam terhadap peranan Tengku Razaleigh di masa beliau memimpin UMNO di masa lalu?

Adakah tindakan ini akan menjejaskan keutuhan Angkatan Perpaduan Ummah?

Kita menunggu perkembangan selanjutnya di Kelantan, tetapi agak menarik hati bahawa Pas yang mendabik dada, kononnya memperjuangkan hak demokrasi dan kebebasan berfikir, telah bertindak begitu keras sekali terhadap keluarganya sendiri yang ingin menyuarakan pendapat dan fikiran mereka kepada orang ramai.

Adakah budaya "ala-diktator" ini dipinjam dari Semangat 46 dan Dap yang kini jadi sahabat seperjuangan Pas?

## AHLI PAS GANAS?

KETUA Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar dalam perutusannya kepada warga polis menyambut Hari Polis baru-baru ini, telah mendedahkan bagaimana satu peristiwa seperti Memali hampir-hampir tercetus pada 12 Februari 1990 yang lalu apabila sepasukan polis dikepong dan ditahan oleh ahli-ahli dan penyokong sebuah parti politik.

Menurut Ketua Polis Negara, ketika peristiwa itu berlaku, sepasukan polis sedang dalam urusan menangkap empat orang di Marang, Terengganu, yang bakal dituduh di mahkamah.

Jika polis tidak banyak bersabar, kata Tan Sri Haniff, keadaan itu mudah bertukar menjadi buruk dan satu lagi peristiwa Memali boleh tercetus.

Beliau berkata mujurlah dengan kesabaran polis dan kejayaan ketua-ketua parti mengawal ahli-ahli mereka, tidak ada perkara yang tidak diingini berlaku.

Dalam kejadian yang dilaporkan berlaku pada 12 Februari 1990 itu, sepasukan 17 anggota serta seorang pegawai polis telah ditugaskan menangkap empat orang yang bersabit satu kes pergaduhan di Bukit Gasing, Marang.

Bagaimanapun, mereka telah dikepong oleh sekumpulan ahli-ahli dan penyokong-penyokong sebuah parti politik. Kemudian seorang daripada anggota polis itu telah ditahan dan dijadikan tebusan oleh sekumpulan ahli parti pembangkang yang meminta pihak polis membebaskan seorang



rakan mereka yang telah pun berjaya ditangkap.

*Utusan Malaysia* 30 Mac 1990 yang lalu menyiarkan pula kenyataan Ketua Penerangan Pas, Haji Subky Latiff yang bertanya kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff, "penyokong-penyokong parti politik manakah yang terlibat dalam kejadian mengepung dan menawan anggota polis di Marang, Terengganu bulan lalu."

Kenyataan Ketua Polis Negara itu memang tidak menyebut nama mana-mana parti politik pun yang terbabit dalam kejadian yang disebutkannya itu.

Subky menggunakan kesempatan kesamaran dalam kenyataan Tan Sri Haniff Omar itu untuk konon-konon bertanya seolah-olah dia sebagai Ketua Penerangan Pas tidak tahu menahu perkara yang dibangkitkan oleh Ketua Polis Negara.

Kata Subky, sepatutnya Tan Sri Haniff berterus terang dengan menyatakan parti politik yang terlibat.

Subky kemudian agak-agak sahaja dengan berkata, oleh kerana Ketua Polis Negara mengaitkan kejadian itu dengan peristiwa Memali dan oleh kerana beliau tidak boleh memberi amaran kepada UMNO, kenyataan itu nampaknya ditujukan kepada Pas.

Kemudian Subky membuat penafian: "Pas sebenarnya tidak tahu menahu penyokong-penyokong parti manakah yang bertanggungjawab mengepung dan menawan anggota-anggota polis itu," sambil menegaskan, mungkin juga parti yang dimaksudkan oleh Tan Sri Haniff itu bukan Pas.

Oleh yang demikian, berdasarkan kenyataan Subky itu, Pas secara rasmi tidak tahu menahu mengenai kejadian yang ditimbulkan oleh Ketua Polis Negara yang berlaku pada 12 Februari 1990, di Marang, Terengganu. Malah Subky menduga mungkin bukan Pas pula yang terbabit.

Adakah benar-benar Subky tidak pernah mendengar

kejadian di Marang itu? Tidak adakah orang-orang Pas di Marang yang mengikut Subky sendiri, terdapat ramai ahli Pas, yang membuat laporan kepada beliau sebagai Ketua Penenrangan Pas Pusat, menceritakan kejadian itu?

Olehkerana kejadian itu serius dan berat, adakah pemimpin-pemimpin Pas Terengganu sanggup dan bersedia menyorokkan kejadian itu dari pengetahuan Pas Pusat termasuk pengetahuan Ketua Penerangan Pusat, iaitu Subky?

Mustahil Subky tidak diberitahu mengenai kejadian itu. Mustahil sebagai pegawai tertinggi parti, Pas Terengganu tidak memaklumkan kejadian itu kepada beliau?

Sementara Subky cuba berdolak-dalik, pura-pura tidak tahu mengenai kejadian di Marang itu, Timbalan Pesuruhjaya Pas Terengganu, Haji Wan Mutalib Embong, mengambil sikap terbuka mengenai kejadian itu.

Hanya Haji Wan Mutalib tidak mahu akhbar-akhbar membesarkan perkara itu kerana "tidak mahu luka lama berdarah kembali".

Masyarakat di kampung terbabit itu pun telah pulih tenteram, kata Haji Wan Mutalib lagi, yang juga penasihat Undang-undang Pas Pusat.

Beliau bagaimanapun mendakwa kejadian itu sebenarnya tidak serius, hanya satu pergaduhan kecil antara seorang penyokong Pas dengan seorang pemimpin UMNO di Kampung Bukit Gasing, iaitu berpunca dari bantahan pendaftaran pemilih di kawasan Dewan Undangan Negeri Rhu Rendang dan kawasan Parlimen Marang yang dibuat oleh penyokong UMNO.

Menurut Haji Wan Mutalib, Pas telah pun membuat aduan polis mengenai bantahan tersebut. Seramai 58 penyokong Pas dikatakan cuba dikeluarkan oleh UMNO dari menjadi pengundi di Marang, demikian dakwaan Haji Wan Mutalib.

Menurut beliau lagi, selepas membuat bantahan itu,

pemimpin UMNO yang terbabit dalam peristiwa itu, dikatakan naik marah dan kononnya mencaci pengikut Pas.

Akhirnya berlaku pergaduhan mengakibatkan kecederaan kepada pemimpin UMNO tadi. Dia membuat aduan polis dan ekoran itu, pihak polis pun bertindak.

Haji Wan Mutalib mempertikaikan waktu yang dipilih oleh polis untuk bertindak, iaitu "waktu tengah malam ketika masyarakat Kampung Bukit Gasing turun ke laut menangkap ikan."

Beliau telah diberitahu mengenai tindakan polis itu pada jam 2 pagi itu oleh seorang penduduk.

Beliau kemudian pergi ke balai polis dan mendapati seorang penyokong Pas telah ditahan.

"Pada masa itu saya tidak sedar seorang anggota polis telah ditahan oleh seorang anggota Pas," katanya.

Setelah diberitahu mengenai hal itu, beliau akhirnya memohon jasa baik Ketua Polis Negeri, Datuk Haji Wan Razak Muda agar membebaskan orang yang ditahan memandangkan kes yang membabitkannya hanya kes kecil yang disebabkan oleh pergaduhan kecil juga.

Katanya, "Saya berjanji kepada pihak polis bahawa pemimpin Pas sanggup menyerahkan penyokongnya yang disyaki untuk diambil kenyataannya. Pihak polis setuju dengan janji tersebut. Akhirnya polis memberi senarai nama penyokong Pas yang perlu hadir di Balai Polis Kuala Terengganu untuk diambil kenyataan masing-masing."

Haji Wan Mutalib menyifatkan kejadian tersebut sebagai tidak serius sedangkan kejadian itu membabitkan penahanan seorang anggota polis sebagai tebusan.

Beberapa tahun lalu, di Palembang, Sumatera, pertempuran telah berlaku antara pasukan tentera dan pengikut-pengikut satu kumpulan agama, apabila seorang pegawai

tentera ditangkap dan ditahan sebagai tebusan oleh kumpulan agama itu.

Pegawai tentera itu kemudiannya dibunuh mengakibatkan pertempuran sengit antara tentera dan kumpulan pelampau itu. Ramai orang terbunuh dalam peristiwa itu.

Haji Wan Mutalib mempertikaikan mengapa polis bertindak pada jam 2 pagi dan mengapa pasukan yang bertindak itu terdiri dari 17 orang, ertinya, agak ramai.

Kita hanya dapat mengagak sahaja mengenai sebab musabab polis bertindak demikian, iaitu kerana seorang anggotanya telah ditahan sebagai tebusan, satu kesalahan yang berat yang mewajarkan polis bersiap menghadapi segala kemungkinan dan mengambil langkah-langkah yang sesuai dengan ancaman yang dihadapinya.

Sekiranya seperti yang diterangkan oleh Haji Wan Mutalib kejadian itu bermula dari pergaduhan antara orang Pas dengan orang UMNO, mengapakah pula membabitkan polis hingga orang-orang Pas menahan anggota polis?

Pergaduhan bermula antara pengikut Pas yang menuduh seorang pemimpin UMNO konon bertanggungjawab atas perkara 58 penyokong Pas dikatakan cuba dikeluarkan dari menjadi pengundi di Marang.

Kemudian terjadi pergaduhan yang mengakibatkan kecederaan kepada pemimpin UMNO itu di mukanya. Dia pun membuat laporan polis yang kemudiannya bertindak, agaknya, menahan orang Pas yang disyaki menyebabkan luka pada pemimpin UMNO itu.

Tetapi bagaimana pula orang Pas tergamak menahan seorang anggota polis sebagai tebusan tidak dijelaskan oleh Haji Wan Mutalib.

Kita tidaklah bermaksud hendak memperbesarkan kejadian di Kampung Bukit Gading di Marang itu.

Hanya kita sekadar mahu supaya gambaran mengenai kejadian itu jelas.

Bahkan orang-orang Pas sendiri mungkin bingung dan tidak jelas mengenai perkara tersebut. Di satu pihak, Ketua Penerangan Pas Pusat sendiri, Haji Subky yang biasanya lantang suaranya dalam segala hal, dan yang selalunya serba tahu mengenai perkembangan politik tanahair, termasuk rahsia-rahsia parti Kerajaan, tidak tahu menahu mengenai kejadian yang serius itu.

Malah Haji Subky pura-pura bertanya, mungkinkah parti yang terbabit itu parti Pas?

Di suatu pihak lagi, kita dapati Timbalan Pesuruhjaya Pas Negeri Terengganu, Haji Wan Mutalib Embong, yang terbabit langsung menyelesaikan kejadian itu, secara jujur mengakui kejadian itu memang telah berlaku pada 12 Februari lalu.

Sama ada Subky tahu kejadian itu, tetapi tidak mahu mengakuinya kerana takut menjadi kontroversi nasional ataupun dia memang tidak tahu akan hal tersebut, iaitu satu perkara yang mustahil memandangkan kejadian itu serius dan memandangkan Subky bukan ikan bilis dalam Pas.

Kalau dia tahu dan kemudian pura-pura tidak tahu, bererti dia telah berbohong demi kepentingan partinya.

Kita berat mempercayai kejadian di Marang itu memang dalam pengetahuan Subky selama ini dan kepemimpinan Pas Pusat telah memutuskan hendak menyorokkan kejadian itu atas sebab-sebab menjaga imej kerana pihaknya memang bersalah, iaitu menahan seorang anggota polis sebagai tebusan.

Rakyat harus berterima kasih kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar kerana mendedahkan kejadian yang sebenarnya demi kepentingan umum.

## PAS RESTU KERJASAMA DAP

*Harakah* baru-baru ini menyiarkan pendapat seorang Hamba Allah "Zukifli Yahya" mempertahankan kerjasama Semangat 46-Dap dengan menegaskan, kononnya, Pas tidak rugi disebabkan kerjasama itu.

Apa yang menarik tulisan itu kerana, ia tidak berlandaskan Hadis dan ayat-ayat al-Quran untuk mempertahankan kerjasama Semangat 46-Dap itu dan mengapa Pas merestui kerjasama tersebut.

Hujah-hujahnya berdasarkan politik belaka, berdasarkan realiti politik negeri ini, terutama peluang merebut kerusi dalam pilihanraya umum.

Terlebih dahulu Zulkifli menerangkan bahawa ikatan Semangat 46 dan Dap bukanlah kerjasama. Beliau memetik kenyataan Tengku Razaleigh Hamzah yang berbunyi lebih kurang demikian:

"Maksud kerjasama ialah sama-sama berusaha dan berinteraksi secara lebih aktif dan bersistematik dalam wadah atau gabungan besar."

"Manakala maksud persefahaman, ialah kita berusaha menyelaraskan kegiatan agar tindakan satu pihak jangan sampai merugikan pihak yang lain."

"Persefahaman bermakna kita sama berusaha mengelakkan kerugian bagi diri kita disamping mengelakkan kerugian rakan kita."

Demikian penjelasan Tengku Razaleigh seperti yang dipetik semula oleh Zulkifli dalam rencananya itu.

Menurut penulis tersebut, adanya kerjasama Semangat 46-Dap, "kedudukan kerusi Melayu lebih terjamin."

Menurut Zulkifli, hanya 42 kawasan majoriti bukan Melayu ada di Semenanjung.

"Dikira mustahil Dap memenangi kerusi tersebut", kata Zulkifli lagi.

Tetapi, adakah ikatan Semangat 46-Dap hanya persefahaman atau sebenarnya kerjasama politik erat antara dua parti politik?

Apa yang ternyata sekarang ialah ikatan itu bukan sekadar persefahaman seperti yang didakwa oleh Tengku Razaleigh.

Tetapi, ialah kedua-dua parti telah kerjasama yang erat untuk menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Ia tidak sekadar lagi "understanding" atau pesefahaman dan saling pengertian.

Tengku Razaleigh mengakui kedua-dua parti itu telah bertindak lebih dari sekadar "interaksi" sahaja melainkan telah bertindak sebagai "abang adik" demi kepentingan bersama untuk menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional dalam pilihanraya akan datang.

Kata Zulkifli, satu contoh ialah kawasan Parlimen Alor Setar. Calon Pas mendapat 9,195 undi, calon Dap mendapat 9,042 undi manakala calon Barisan Nasional mendapat 16,674 undi. Jika dicampurkan undi yang diperolehi oleh parti pembangkang, ternyata undi Barisan Nasional lebih rendah.

"Bagaimana sekiranya dikawasan seperti ini, sebuah parti yang boleh diterima oleh Pas dan Dap diletakkan untuk berhadapan dengan Barisan Nasional? Tidakkah Barisan Nasional dapat ditundukan?"

“Walaupun parti yang menang bukannya Pas, tetapi dalam keadaan tidak ada peluang menang maka lebih baiklah yang menang bukannya Barisan Nasional.”

Untungnya lagi, yang menang itu ialah parti komponen Angkatan juga. Pendeknya Semangat 46 mempunyai alasan untuk bekerjasama dengan Dap.

Apa yang dimaksudkan oleh Zulkifli dan pandangan ini memanglah telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh Pas dan Semangat 46.

Iaitu, dalam satu kawasan pilihanraya seperti Alor Setar itu, barisan pembangkang hendaklah mencapai muafakat meletakkan hanya seorang sahaja calon mereka, supaya undi pembangkang tidak berpecah.

Untuk kawasan Alor Setar umpamanya, pembangkang harus bermuafakat sama ada hendak meletak calon Dap sahaja atau calon Pas sahaja, atau pun kedua-dua Pas dan Dap sepakat untuk meyokong calon Semangat 46 di kawasan tersebut.

Sekiranya persefahaman ini dilaksanakan di seluruh kawasan pilihanraya kelak, nescaya Barisan Nasional akan menghadapi hanya satu sahaja calon dari Angkatan Perpaduan Ummah atau semangat 46, Dap.

Bahawa Pas mengharapkan undi Cina atau undi bukan Melayu melalui kerjasama Semangat 46-Dap ternyata dari tulisan dari Zulkifli.

Contohnya, beliau menulis bahawa pengalaman politik tanahair tidak harus difokuskan di sebelah Pantai Timur sahaja. Apatah lagi dalam keadaan rakyat Kelantan dan Terangganu barangkali tidak pernah melihat poster roket tergantung di sekitar negeri itu.

Maka apatah lagi yang perlu ditakutkan sangat. “Jika Angkatan menang kesemua kerusi di Pantai Timur, Angkatan masih perlu menang di Pantai Barat jika Angkatan mahu



memerintah.”

Di keseluruhan kerusi di Pantai Barat, undi masyarakat Cina menjadi penentu. Hakikat yang ada ialah Angkatan tidak akan dapat membentuk Kerajaan yang berkuasa terhadap perlembagaan yang tanpa majoriti dua pertiga.

“Dan Angkatan tidak akan mendapat dua pertiga tanpa sokongan dari orang Cina

Soal Dap menolak agama Islam bukanlah pekara baru. Lebih kurang sama lamanya dengan Barisan Nasional menolak negara Islam di negara ini.

Kita memang tidak boleh mengharap Dap menyokong negara Islam, kalau UMNO sendiri tidak boleh menerima konsep negara Islam. Suatu pekara yang tidak boleh memberi saham untuk menumbangkan Barisan Nasional.

“Memadai Pas tidak bekerjasama dengan Dap. Tetapi jangan sampai serangan dihalakan pada Dap sebagai musuh utama hingga melupakan Barisan Nasional...”

Demikian pendapat Zulkifli yang kita percaya ialah nama samaran seorang tokoh Pas yang sengaja tidak mahu menulis secara terus terang kerana sebab-sebab tertentu agaknya.

Tetapi hujah yang diutarakan oleh beliau dalam tulisan itu adalah hujah petualang politik melulu.

Di satu pihak dia mengatakan “Dap adalah satu kuasa yang boleh memberi saham untuk menumbangkan Barisan Nasional.”

Memadai katanya, Pas tidak bekerjasama dengan Dap, tetapi tidaklah bertentangan dengan dasar Pas sebagai parti yang memperjuangkan agama untuk bersefahaman dengan Dap mengenai pemilihan kawasan pilihanraya kelak, iaitu calon Pas bertanding dan sebaliknya.

Kerjasama seperti ini pada anggapan Pas tidak bertentangan dengan prinsip perjuangannya, iaitu bekerjasama

dengan Dap secara tidak langsung, melalui Semangat 46 dan APU, kerjasama mengenai pemilihan kawasan pilihanraya yang memungkinkan APU (Pas) atau Semangat 46 kelak bertanding satu lawan satu dengan Barisan Nasional demi mempertahankan agar undi tidak berpecah yang boleh menguntungkan lawan.

Kerjasama ini praktik dan seperti dikatakan oleh Zulkifli, ia mendatangkan keuntungan bentuk undi bukan Melayu kepada Pas dan Semangat 46 melalui Dap.

Kata Zulkifli, "kita tidak boleh mengumpulkan semua musuh dalam satu masa untuk dikalahkan."

Pas tidak boleh melawan Barisan Nasional dan serentak dengan itu melawan Dap juga, demikian pendapat Zulkifli.

Menurut Zulkifli menumbangkan UMNO lebih afdal, dan wajib daripada melawan Dap.

Inilah strategi Pas sekarang bekerjasama dengan Dap melalui Semangat 46 untuk mengalahkan kerajaan yang dikuasai oleh UMNO.

"Pengalaman dan revolusi Islam yang berlaku di Iran, terdapat beberapa parti komunis dan Sosiolis turut menyumbangkan tenaga untuk menggulingkan kerajaan Shah," katanya Zulkifli yang menambah bahawa Imam Khomeini kemudian menentang bekas temannya.

"Kebijaksanaan seperti ini yang perlu ada pada setiap pendukung dan penyokong-penyokong Angkatan Perpaduan Ummah yang ingin melihat kejatuhan kerajaan Barisan Nasional," kata Zulkifli.

Apa yang Zulkifli tidak sebutkan ialah di Iran, golongan komunis dan sosiolis yang menyokong revolusi Islam tidak sekuat dan segagah sokongan rakyat Iran kepada Imam Khomeini.

Golongan Islam di Iran jauh lebih kuat dan lebih berpengaruh dari sebarang golongan lain. Kerana itulah golongan Islam dengan mudah dapat menghapuskan pengaruh golongan-golongan sosialis dan parti Tudoh seperti Shah Iran.

Adakah Pas dan APU lebih kuat dari Dap? Sejauh manakah kekuatan Pas dan Semangat 46 kelak untuk bersaing dengan pengaruh Dap sekiranya ditakdirkan APU berkuasa.

Nyata pertimbangan Pas bergabung dengan Semangat 46, bekerjasama dengan Dap, tidak ada kaitan langsung dengan Hadis dan al-Quran melainkan semata-mata didasarkan atas perhitungan politik pilihanraya, atas pertimbangan untuk memenangi pilihanraya akan datang.